

BAB II

SEJARAH AL-QUR'ĀN

2.1 Definisi al-Qur'ān

Para ulama dan cendekiawan Islām berselisih pendapat mengenai asal kata al-Qur'ān. Ada yang berpendapat bahawa ianya *mahmūz* (wujud hamzah di atas alif) dan ada pula yang menyatakan ianya tidak *mahmūz*. Al-Syāfi'i berpendapat bahawa lafaz al-Qur'ān adalah perkataan asli, tidak terbentuk daripada mana-mana kata asal dan tidak juga *mahmūz*, bahkan ianya dicipta menjadi nama benda bagi wahyu yang diturunkan kepada Nabi Muhammad (S.A.W.). Menurutnyanya lagi, perkataan al-Qur'ān tidak diambil daripada kata (قُرْآنٌ) kerana jika ianya diambil daripada perkataan itu, nescaya semua benda yang dibaca boleh dinamakan al-Qur'ān. Tetapi ianya dicipta khas untuk kitab suci al-Qur'ān seperti nama al-Taurāt; iaitu sebuah kitab yang diturunkan kepada Nabi Mūsā (A.S.) dan Injīl kepada Nabi Īsā (A.S.).¹

-
1. Ahmad Hasan al-Baqūrī, Al-Qur'ān Ma'dabat Allah Lil-`Ālamin, Cet. 1, Qahirah : Markaz al-Ahrām, 1406H/1986M, h. 18. Badr al-Dīn Muhammad bin `Abdullāh al-Zarkasyī, Al-Burhān Fī `Ulūm al-Qur'ān, Juz. 1, Cet. 3, Republik `Arab Sa'udi : Ri'āṣah Idārat al-Bunūth al-`Ilmiyah Wal Iftā' Wa al-Da'wah Wa al-Irsyād, 1400H/1980M, hh. 277-278.

Menurut al-Furā'ī¹ perkataan al-Qur'ān adalah diambil daripada perkataan (القرائن - *al-qarā'in*); iaitu kata jama' bagi perkataan (قرينة - *qarinah*) yang bererti pertalian. Alasannya ialah kerana ayat-ayat al-Qur'ān hampir serupa di antara satu dengan yang lain, seolah-olah setiap ayat itu ada pertalian kepada yang lain. Berdasarkan pendapat ini, maka huruf nūn di hujung perkataan itu adalah huruf asal bukannya tambahan.²

Manakala menurut al-Asy'arī dan pengikut-pengikutnya pula, perkataan al-Qur'ān tidak mahmūz dan ianya berasal daripada perkataan (قَرَنَ الشَّيْءَ بِالشَّيْءِ), "sesuatu itu diletakkan berdekatan dengan sesuatu benda yang lain". Ini adalah disebabkan sūrah-sūrah serta ayat-ayat dalam al-Qur'ān dihimpun dan diletak sebelah menyebelah di antara satu dengan yang lain,³ juga ianya

-
1. Al-Furā'ī adalah seorang ulama nahu dan pendita bahasa yang terkenal di Kūfah. Nama sebenarnya ialah Yahyā bin Zīād al-Dailamī, bergelar Abu Zakaria. Di antara karyanya yang termasyhur ialah sebuah kitab mengenai makna al-Qur'ān. Beliau meninggal dunia pada tahun 207 H. (Subhī al-Sālih, Mabahith Fi 'Ulūm al-Qur'ān, Cet. 17, Beirut : Dār al-'Ilm Lil-Malāyīn, 1988, h. 18.)
 2. Ibid., h. 5. Mahmūd al-Syarqāwī, Al-Qur'ān al-Majīd, Qahirah : al-Syā'b, 1970, h. 15.
 3. Subhī al-Sālih, Op-cit., hh. 18-19. Al-Zarkasyī, Op-cit., h. 273.

dihimpun serta digabungkan dalam satu *muṣḥaf*.¹

Adapun pendapat yang mengatakan bahawa lafaz *al-Qur'ān* mempunyai hamzah (*mahmūz*), antaranya dikemukakan oleh al-Zajjāj.² Beliau berpendapat bahawa lafaz *al-Qur'ān* mempunyai hamzah atas wazan (فَعْلَان - *fu'lan*) dan diambil dari perkataan (الْقُرْءُ - *al-qar'u*) bermakna menghimpun. Misalnya dalam bahasa `Arab (قَرَأَ الْمَاءَ فِي الْحَوْضِ) "Air itu dihimpunkan ke dalam kolam". Dinamakan *al-Qur'ān* dengan perkataan ini kerana ianya menghimpunkan segala isi kitab-kitab yang silam.³

Sementara al-Lihyānī⁴ berpendapat bahawa perkataan *al-Qur'ān* *mahmūz* berwazan العَفْرَان (*al-ghufrān*), diambil dari kata kerja (قَرَأَ - *qara'a* - yang bererti membaca). Dinamakan (مَقْرُوءٌ - *maqrū'* -

-
1. *Muṣḥaf* ialah himpunan bagi lembaran kertas yang telah ditulis dan disusun. (Ibn Manzūr, *Lisān al-`Arab*, Jil. 4, h. 2404. *Al-Qur'ān* yang telah dikumpulkan orang dinamakan *muṣḥaf*. Aboebakar, H., *Sejarah al-Qur'an*, Cet. 1, Kuala Lumpur : Pustaka Antara, 1973, h. 231.)
 2. Al-Zajjāj ialah Ibrāhīm bin al-Sarī, bergelar Abū Ishāq. Beliau merupakan pengarang kitab *Ma`ānī al-Qur'ān*, meninggal dunia pada 311H. (Subhī al-Salih, *Op-cit.*, h. 19.)
 3. Ibid. Maḥmūd al-Syarqāwī, *Op-cit.*, h. 15.
 4. Al-Lihyānī ialah Abū Hasan Alī bin Ḥazim. Beliau merupakan seorang pendita bahasa yang terkenal dan meninggal dunia pada tahun 215 H. (Subhī al-Salih, *Op-cit.*, h. 19.)

yang dibaca) dengan lafaz itu; iaitu atas kaedah menamakan maf'ul (perkara kena buat) dengan masdar.¹

Meneliti kepada beberapa pendapat di atas, menunjukkan bahawa pendapat yang akhir inilah yang paling kuat kerana lafaz al-Qur'ān dari segi bahasa ialah kata masdar yang seerti dengan perkataan al-qirā'ah (bacaan).² Ini bersesuaian dengan firman Allāh (S.W.T.) yang berbunyi :

إِنَّا عَلَيْنَا جَمْعُهُ وَقُرْآنَهُ ۖ فَإِذَا قَرَأْتَهُ فَانصِتْ لَهُ ۚ إِنَّهُ كَرِيمٌ ۝۱۸

سُورَةُ الْفَيْيَا : 17-18

Ertinya:

"Sesungguhnya Kami akan menghimpunkannya (dalam dadamu) dan (menetapkan) bacaannya (di lidahmu). Maka apabila Kami bacakan dia (dengan perantaraan Jibrīl), maka ikutilah bacaannya".³

Sesungguhnya orang-orang `Arab mengambil perkataan (قَرَأَ) dengan makna membaca daripada bahasa

1. Ibid.

2. Ibid. Muḥd. `Abdullah al-Mahdī al-Badri, Al-Qur'ān al-Karīm Tarikhuhu Wa `Ulumuhu, Cet. 1, Dubai : Dar al-Qalam, 1404H/1984M, h.9.

3. Mahmud Junus, Terjemahan al-Qur'ān, Sūrah al-Qiyāmah, 75 : 17-18, h. 521.

Aram¹ dan digunakan sebagai pertuturan harian hingga menjadi terkenal dengan makna itu. Menurut pendapat G. Bergstraesser, sebenarnya bahasa Aram banyak mempengaruhi bahasa `Arab, kerana bahasa tersebut merupakan bahasa bagi bangsa-bangsa yang telah bertamadun yang hidup berjiran dengan bangsa `Arab pada beberapa kurun sebelum Hijrah. Oleh kerana perkataan (قَرَأَ) yang bererti MEMBACA, berasal dari bahasa Aram, telah digunakan oleh orang `Arab sejak sebelum Islam lagi, maka ianya bolehlah dianggap sebagai sebahagian daripada bahasa `Arab itu sendiri. Kemudian digunakan oleh Islam bagi menamakan kitabnya yang mulia itu.²

Mengenai nama-nama *al-Qur'ān*, terdapat beberapa nama yang termaktub di dalam wahyu Allāh (S.W.T.). Namun begitu terdapat sesetengah `ulamā' berlebihan dalam menghitung nama-nama *al-Qur'ān* kerana mereka telah mencampurkan di antara nama dengan sifat *al-Qur'ān*. Di antara nama yang termasyhur ialah *al-Qur'ān*, *al-Kitāb*,

1. Aram merupakan satu bahasa dari satu kumpulan kaum yang menetap di Aram; iaitu di Utara Syria antara kurun ke-11 dan ke-8 S.M. Bahasa tersebut menjadi bahasa rasmi bagi kerajaan Parsi antara kurun ke-7 dan ke-6 S.M. (The New Encyclopaedia Britannica, Vol. 1, Chicago : Micropaedia, 1985, h. 516).

2. Subhī al-Ṣālih, Op-cit., hh. 19-20.

al-Furqān, al-Dhikr dan al-Tanzīl.¹

Dinamakan *al-Qur'ān* adalah berdasarkan kepada fakta bahawa ianya dibaca (kerana ia adalah kata asal bagi perkataan *الْقِرَاءَةُ* - *al-qirā'ah*), juga ianya dihafaz oleh umat Islam.² Terdapat sebanyak 70 kali lafaz *al-Qur'ān* dalam *muṣḥaf*,³ antaranya ialah seperti dalam firman Allāh (S.W.T.) yang berbunyi:

شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنْزِلَ فِيهِ الْقُرْآنُ هُدًى لِّلنَّاسِ
وَبَيِّنَاتٍ مِّنَ الْهُدَى وَالْفُرْقَانِ ﴿١٨٥﴾

سُورَةُ الْبَقَرَةِ : 185

1. Muhd. `Abdullāh al-Mahdī al-Badrī, *Op-cit.*, hh. 10-11. Muhd. `Abd al-`Azīm al-Zarqanī, *Manāhil al-`Irfān Fī `Ulūm al-Qur'ān*, Juz. 1, Cet. 3, Qāhirah : Dār Ihya' al-Kutub al-`Arabiyyah, 1943, h. 8.
2. `Abd `Azīz bin `Abd al-Fatāh al-Qārī, "Manhaj al-Sahābah Fī Tauthīq Naṣ al-Qur'ān al-Karīm" Dalam *Kertas Kerja Seminar al-Qur'ān Antarabangsa*, Anjuran Bahagian Hal Ehwal Islām, Jabatan Perdana Menteri, di Dewan Mukhtamar, Pusat Islām Malaysia, Kuala Lumpur, 22-23 hb. Sya`ban 1410/19-20 hb. Mac 1990, h. 5. Muhd. `Abdullāh al-Mahdī al-Badrī, *Op-cit.*, h. 11. Subhī al-Salih, *Op-cit.*, h. 3.
3. `Abd al-Qādir Husin, *Al-Qur'ān 'I`jāzuhū Wa Balāghatuhū*, Mesir : Matba`ah al-Amānah, 1975, h. 13.

Ertinya:

"(Puasa itu) pada bulan Ramadan yang diturunkan al-Qur'an pada bulan itu untuk petunjuk bagi manusia dan beberapa keterangan dari petunjuk dan membezakan antara yang hak dengan yang batil."¹

Nama lain bagi al-Qur'an ialah al-Kitāb ; iaitu nama yang menunjukkan kata benda yang ditulis dan dirakamkan dalam kertas (buku). Dinamakan demikian, kerana segala hukum, cerita dan peraturan-peraturan Allāh (S.W.T.) ditulis di dalamnya untuk rujukan dan sebagai pegangan hidup bagi hamba-hamba-Nya di dunia ini.² Perkataan tersebut dapat dilihat dalam firman Allāh (S.W.T.) yang berbunyi:

وَهَذَا كِتَابٌ أَنْزَلْنَاهُ مُبَارَكٌ مُصَدِّقُ الَّذِي بَيْنَ يَدَيْهِ وَلِتُنْذِرَ
أُمَّ الْقُرَىٰ وَمَنْ حَوْلَهَا ﴿٩٢﴾

سُورَةُ الْأَنْعَامِ : 92

-
1. Mahmud Junus, Terjemahan al-Qur'an, Sūrah al-Baqarah, 2 : 185, h. 26.
 2. 'Abd al-Qādir Husin, Op-cit., h. 14. Al-Zarkasyi, Op-cit., h. 276.

Ertinya:

"Inilah Kitāb yang Kami turunkan, lagi diberkati dan membenarkan (Kitab) yang dihadapannya dan supaya engkau beri peringatan (penduduk) ibu negeri (Makkah) dan orang-orang sekelilingnya..."¹

Al-Furqān juga adalah nama bagi al-Qur'ān kerana ianya memberikan garis pemisah di antara yang hak dengan yang batil.² Perkataan tersebut dapat dilihat dalam firman Allāh (S.W.T.) yang berbunyi:

بَارَكَ الَّذِي نَزَّلَ الْفُرْقَانَ عَلَى عَبْدِهِ لِيَكُونَ لِلْعَالَمِينَ نَذِيرًا

سُورَةُ الْفُرْقَانِ : 1

Ertinya:

"Mahasuci (Tuhan) yang menurunkan Furqān (Qur'ān) kepada hamba-Nya, supaya dia memberi peringatan kepada seluruh alam."³

Seterusnya nama lain bagi al-Qur'ān ialah al-Dhikr yang bererti INGAT atau PERINGATAN, di mana seseorang hamba sepatutnya mengingati Allāh (S.W.T.)

-
1. Mahmud Junus, Terjemahan al-Qur'ān, Surah al-'An'am, 6 : 92, h. 126.
 2. 'Abd al-Qādir Ḥusīn, Op-cit., h. 12.
 3. Mahmud Junus, Terjemahan al-Qur'ān, Surah al-Furqān, 25 : 1, h. 324.

dengan melaksanakan segala kefarduan yang diwajibkan ke atasnya di samping memelihara batas-batas yang telah ditentukan oleh-Nya.¹ Dinamakan juga dengan *al-Dhikr* kerana di dalamnya terdapat berbagai peringatan serta berita-berita umat yang terdahulu.² Sehubungan dengan itu Allāh (S.W.T) telah menegaskan dalam firman-Nya :

وَهَذَا ذِكْرٌ مُّبَارَكٌ أَنْزَلْنَاهُ أَفَأَنْتُمْ لَهُ مُنْكَرُونَ ﴿٥٠﴾

سُورَةُ الْأَنْبِيَاءِ : 50

Ertinya:

"Inilah peringatan (Qur'ān yang diberi berkat, telah kami turunkan. Adakah (patut) kamu memungkirinya?." ³

Selain dari itu, *al-Tanzīl* juga ialah nama bagi *al-Qur'ān*; iaitu yang menunjukkan tentang ketinggian kedudukannya, di mana ianya diturunkan oleh Allāh (S.W.T.), Pencipta alam seluruhnya.⁴ Perkataan ini terdapat dalam banyak ayat-ayat *al-Qur'ān*, antaranya ialah seperti yang ditegaskan oleh Allāh (S.W.T.) dalam

1. `Abd al-Qādir Husīn, Op-cit., h. 14.

2. Al-Zarkasyī, Op-cit., h. 279.

3. Mahmud Junus, Terjemahan al-Qur'ān, Sūrah al-An-biyā', 21 : 50, hh. 294-295.

4. Mannā' al-Qattān, Mabāhith Fī `Ulūm al-Qur'ān, Cet. 5, Qāhirah : Maktabah Wahibah, 1401H/1981M, h. 16. Muhd. `Abdullah al-Mahdi al-Badri, Op-cit., h. 13.

firman-Nya:

تَنْزِيلٌ مِّن رَّبِّ الْعَالَمِينَ ﴿٨٠﴾

سُورَةُ الْوَاقِعَةِ : 80

Ertinya :

"Diturunkan daripada Tuhan semesta alam."¹

Walaupun al-Qur'ān mempunyai beberapa nama, tetapi nama yang termasyhur dan paling lumrah digunakan oleh umat Islam ialah al-Qur'ān. Ianya diyakini sebagai sebuah kitāb mu'jizat dan hidayah yang mengandungi pelbagai pertunjuk, pengajaran, hukum, cerita dan sebagainya bagi umat manusia khususnya umat Islam untuk menikmati kebahagiaan hidup baik di dunia mahupun di akhirat.

Manakala dari segi istilah, terdapat berbagai definisi mengenai al-Qur'ān telah dikemukakan oleh ulama - ulama Islām melihat kepada tujuan dan bidang keahlian masing-masing, baik di kalangan ahli Ilmu Kalām, Uṣūl, ahli-ahli Feqah mahupun ahli-ahli bahasa.² Pendapat pertama menyatakan bahawa al-Qur'ān adalah lafaz yang diturunkan oleh Allāh (S.W.T.) kepada Nabi

1. Mahmud Junus, Terjemahan al-Qur'ān, Sūrah al-Wāqī'ah, 56 : 80, h. 484.

2. Muhd. 'Abd al-'Azīm al-Zarqānī, Op-cit., hh. 10-13.

Muhammad (S.A.W.) dalam bahasa `Arab melalui perantaraan Malaikat Jibril (A.S.), di mana bacaannya menjadi ibadah dan dipindahkan pula secara *mutawātir*,<sup>1</sup> ditulis dalam *muṣḥaf* sejak dari zaman Khalifah `Uthmān bin `Affān (R.A.) dimulai dengan sūrah al-Fātiḥah dan diakhiri dengan sūrah al-Nās.²

Pendapat lain pula menyatakan bahawa al-Qur'ān ialah Kalām Allāh (S.W.T.) yang diturunkan kepada Junjungan (S.A.W.), dipindahkan secara *mutawātir* yang diibadahkan bacaan dan hukumnya serta ayat-ayatnya membuktikan kebenaran risalahnya.³

Sementara menurut golongan Usuliyyūn, al-Qur'ān ialah suatu lafaz yang diturunkan kepada Junjungan (S.A.W.) yang dipindahkan secara *mutawātir*, di mana

-
1. *Mutawātir* ialah diberitakan oleh segolongan manusia yang berjumlah banyak, yang mustahil menurut adat mereka berdusta. (Ash-Shidieqy, T M Hasbi, Sedjarah dan Pengantar Ilmu al-Quran/Tafsir, Cet. 5, Djakarta : Bulan Bintang, 1972, h. 15. Atau maksud *mutawātir* ialah al-Qur'an sampai kepada kita melalui riwayat orang banyak yang dijamin tidak berdusta terhadap Rasūlullāh (S.A.W.). Hasan Langgulung, Beberapa Tinjauan Dalam Pendidikan Islām, Cet. 1, Kuala Lumpur : Pustaka Antara, 1981, h. 179).
 2. Muhd. `Abdullāh al-Mahdī al-Badrī, Op-cit., h. 13. Mahmud al-Syarqawī, Op-cit., h. 13.
 3. Manna` al-Qattān, Al-Tasyrī` Wa al-Fiqh Fī al-Islām Tarīkhan Wa Manḥajan, Cet. 1, Qāhirah : Maktabah Wahibah, 1396H/1976M, h. 34.

bacaannya merupakan suatu `ibādah.¹ Manakala pendapat lain, menyatakan bahawa al-Qur'ān ialah Kalām Allāh (S.W.T.) yang diturunkan kepada Nabi Muḥammad (S.A.W.), termaktub di dalam *muṣḥaf*, dipindah kepada kita secara *mutawātir* dan diibadahkan bacaannya, dengan lafaz dan makna daripada Allāh (S.W.T.) dalam bahasa `Arab.²

Berdasarkan beberapa definisi yang diutarakan di atas, memperkukuhkan kebenaran bahawa sesungguhnya al-Qur'ān merupakan kalām Allāh (S.W.T.) dan bukannya ciptaan Nabi Muḥammad (S.A.W.) seperti anggapan orang-orang kafir. Ianya merupakan *mu`jizat*³ yang abadi, tidak dapat ditandingi oleh sesiapa pun sama ada dari golongan Jin mahupun manusia sejak ianya diturunkan hinggalah

1. Al-Zarqānī, *Op-cit.*, h. 13.

2. Haron Din, *Op-cit.*, h. 233.

3. *Mu`jizat* ialah keadaan yang luar biasa yang dilakukan para Nabi/Rasul Allah atas izin-Nya untuk membuktikan kebenaran kenabian/kerasulannya di samping menjelaskan kepada manusia bahawa orang yang mengaku nabi/rasul dengan sihirnya adalah dusta. *Mu`jizat* terbahagi kepada dua macam iaitu :

1) *Mu`jizat Hissy*; iaitu *mu`jizat* yang dapat di rasakan/dihayati oleh indera manusia seperti tongkat Nabi Musā (A.S.) menjadi ular, Nabi Ibrahim (A.S.) dibakar dalam api yang menyala tidak mati dan lain-lain lagi.

2) *Mu`jizat `Aqli/Maknawi*; iaitu yang hanya dapat difahami dengan daya akal fikiran yang sihat dan dengan pangajian serta penelitian mendalam disertai dengan niat yang bersih, seperti al-Qur'ān dengan kandungan tata bahasa susunan kalimatnya yang indah. (Shodiq dan Shalahuddin Chaery, *Kamus Istilah Agama*, Cet. 1, Jakarta : C.V. Sienttarama, 1983, h. 222.)

qiāmat. Malahan sesiapa sahaja yang tidak mengakui kebenarannya, telah dicabar oleh Allāh (S.W.T.) sendiri dalam al-Qur'ān¹ seperti yang ditegaskan dalam firman-Nya :

وَإِنْ كُنْتُمْ فِي رَيْبٍ مِّمَّا نَزَّلْنَا عَلَىٰ عَبْدِنَا فَأْتُوا بِسُورَةٍ مِّثْلِهِ
وَادْعُوا شُهَدَاءَكُمْ مِنْ دُونِ اللَّهِ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ ﴿٢٣﴾

سُورَةُ الْبَقَرَةِ : 23

Ertinya :

"Jika kamu dalam ragu-ragu tentang (Qur'an) yang Kami turunkan kepada hamba Kami (Muhammad), maka perbuatlah olehmu satu surah seumpamanya dan panggillah saksi-saksimu lain daripada Allāh, jika kamu orang yang benar".²

Berdasarkan firman Allāh (S.W.T.) di atas, jelas menunjukkan bahawa al-Qur'ān al-Karīm merupakan sebesar-besar mu`jizat yang dikurniakan oleh Allāh (S.W.T.) kepada Junjungan (S.A.W.), ianya tidak dapat ditiru apa lagi ditandingi oleh sekalian makhluk.

Al-Qur'ān mempunyai kalimah-kalimah, gaya bahasa serta susunan kata yang amat menakjubkan boleh menimbulkan getaran jiwa, perasaan khusyu` dan keinsafan kepada sesiapa

1. Muhd. `Abdullāh al-Mahdi al-Badri, Op-cit., h. 20.

2. Mahmud Junus, Terjemahan al-Qur'an, Sūrah al-Baqarah, 2 : 23, h. 5.

sahaja yang mendengarnya sehingga sasterawan `Arab yang terkenal dengan kefasihan dan kepintaran ketika itu pun terpegun mendengarnya.¹

Sesungguhnya Allāh (S.W.T.) mengutus para nabi dan rasul (A.S.W.) mengikut lisan kaumnya untuk menjelaskan kebenaran dan berhujah kepada mereka yang mendustakannya.² Di samping itu mereka dikurniakan oleh Allāh (S.W.T.) suatu *mu`jizat* sebagai bukti dan alasan bagi kaumnya bahawa ia adalah utusan-Nya. Sementara *mu`jizat* yang dikurniakan itu pula disesuaikan dengan situasi dan keperluan kaumnya ketika itu supaya mereka mengakui kebenaran yang dibawanya.³

Menurut sejarah, sewaktu Junjungan (S.A.W.) diutus menjadi rasul, masyarakat `Arab ketika itu terdiri dari mereka yang pandai menulis, mengarang, berpidato dengan susunan kata dan bahasa yang baik sama ada dalam bentuk puisi mahupun prosa. Mereka sering mengadakan pertandingan bagi memilih penyair agung dan

1. `Abd al-Qādir Husīn, Op-cit., h. 8. Haron Din, Op-cit., h. 236.

2. Hasan Muhd. Bajūdah, "al-Qur'ān al-Karīm Thābitah Khālidah Wa Abadiyah" Dalam Kertas Kerja Seminar al-Qur'ān Antara Bangsa, Anjuran Bahagian Hal Ehwal Islām, Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur, di Dewan Mukhtar, Pusat Islām Malaysia, Kuala Lumpur, 22-23 hb. Sya`bān, 19-20 hb. Mac, 1990, h. 2.

3. `Abd al-Qādir Husīn, Op-cit., h. 7.

ulung. Tetapi tatkala mereka mendengar bacaan al-Qur'ān, ternyata sama sekali mereka gagal untuk meniru apa lagi menandinginya.¹

Para peneliti dari kalangan pakar bahasa Arab dan kaum Orientalis juga sepakat menyatakan bahawa tingkat kefasihan al-Qur'ān terutama dari segi susunan bahasa dan pilihan kata-katanya tidak dapat ditandingi sama sekali. Al-Qur'ān mengungkapkan satu ungkapan dengan lafaz yang unik, sesuai dengan situasi dan tempat tanpa pengurangan dan penambahan sedikit pun.²

Ramai dari kalangan orang-orang bukan Islam sendiri mengakui keunggulan al-Qur'ān dan menyatakan kekaguman mereka terhadap kitab suci tersebut. Di antara mereka ialah Henry de Costrie, beliau menyatakan bahawa al-Qur'ān dapat menawan fikiran dan perasaan manusia dan ianya telah membuktikan kebenaran risalah yang dibawa oleh Muhammad (S.A.W.). Gothe (seorang penyair Barat yang terkenal) pula berpendapat bahawa pengajaran al-Qur'ān adalah praktikal dan selaras dengan keperluan pemikiran manusia.³

1. Abdur Razaq Naufal, Al-Qur'ān Dan Sains Moden, Terj. Hery Noer Aly, T. Abdul Qasim, Cet. 1, Husaini Bandung, 1987, hh. 1-2.

2. Ibid., h. 3.

3. Haron Din, Op-cit., h. 237.

Sementara Abū Dhar, ketika beliau masuk Islam ia menyatakan: "Aku belum pernah mendengar syair seindah gubahan saudaraku, Qais. Ia pernah mengalahkan 12 penyair ulung termasuk aku pada zaman jahiliah." Seterusnya beliau memberi komentar tentang *al-Qur'ān*, "Banyak orang menyatakan bahawa *al-Qur'ān* itu syair, perkataan itu adalah perkataan dukun dan tukang sihir. Sedangkan aku sering mendengar ucapan-ucapan tersebut, tetapi ternyata *al-Qur'ān* amat berbeza dengan ucapan mereka. Aku pun cuba membandingkan dengan syair, ternyata jauh sekali perbezaannya. Akhirnya aku yakin bahawa *al-Qur'ān* sebagai wahyu itu adalah suatu kebenaran yang pasti dan merekalah yang bohong."¹

Berdasarkan keterangan di atas, jelaslah bahawa *al-Qur'ān* merupakan kitab suci umat Islām yang terunggul dan tidak dapat ditiru apa lagi ditandingi oleh sesiapa pun di dunia ini. Ianya adalah kalām Allāh (S.W.T.) yang diturunkan kepada Junjungan (S.A.W.) dengan perantaraan Malāikat Jibrīl (A.S.) bagi mengatur kehidupan manusia dalam berbagai aspek. Bagi sesiapa yang berpegang teguh dengan ajaran dan mengamalkan isi kandungannya, nescaya mereka akan mendapat kebahagiaan hidup serta mencapai

1. Abdur Razaq Naufal, Op-cit., h. 6.

keredaan Allāh* (S.W.T.) baik di dunia mahupun di akhirat.

2.2 Sejarah Penurunan al-Qur'an

Penurunan al-Qur'an biasanya disebut dalam bahasa Arab dengan *nuzul al-Qur'an*. Perkataan *nuzul* ertinya turun; yaitu pindah dari tempat yang terletak di sebelah atas ke tempat yang terletak di sebelah bawah. Selain dari itu perkataan *nuzul* dipakai juga dengan erti majāzi (kiasan); yaitu pindah dari tempat yang mulia ke tempat yang kurang mulia.¹

Mengenai penurunan al-Qur'an ini, Allāh (S.W.T.) berfirman :

إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةِ الْقَدْرِ ①

سُورَةُ الْقَدْرِ : 1

Ertinya:

"Sesungguhnya telah Kami turunkan Qur'an pada malam qadar (malam mulia atau takdir)."²

Berdasarkan ayat di atas, menunjukkan bahawa al-Qur'an itu diturunkan oleh Allāh (S.W.T.) pada suatu malam yang dikenali dengan *lailat al-Qadr* . Para ulama

-
1. Muhd. 'Abd 'Azīm al-Zarqānī, Op-cit., Juz. 1, hh. 33-35. Lubis, H M Arsjad Thalib, Pembahasan di Sekitar Nuzul-ul Qur'an dan Hari-hari Peringatan Islam, Cet. 1, Firma "Islamiyah" Medan, 1386H/1967M, h. 5.
 2. Mahmud Junus, Terjemahan al-Qur'an, Surah al-Qadr, 97 : 1, h. 538.

berselesih pendapat mengenai tarikh sebenar *Lailat al-Qadr*.¹ Ini disebabkan tidak ada nas yang jelas tentang tarikh sebenar berlakunya *lailat al-Qadr* ., cuma didasarkan kepada saranan hadīth-hadīth yang menggalakkan umat Islam supaya menyelidiki mengenai malam tersebut. Sebahagian ulama berpendapat bahawa malam al-Qadar itu ialah pada malam 24 Ramadhan, sementara pendapat lain pula menyatakan ianya pada malam 27 bulan Ramadhan.² Sebenarnya Junjungan (S.A.W.) sendiri melihat malam al-Qadar, tetapi selepas itu beliau tidak pula menyatakan tarikhnya.³ Walau bagaimanapun, kebanyakan pendapat menyatakan bahawa *lailat al-Qadr* . itu berlaku pada suatu malam yang diberkati oleh Allāh (S.W.T.); iaitu satu malam dari bulan Ramadhan.⁴

Menurut Ibn Ishāq, permulaan turunnya ayat al-Qur'ān adalah pada bulan Ramadhan. Penetapan ini

-
1. Ibn Hisyām, Abū Muḥd. `Abd al-Mālik, Sirah al-Nabiyy (S.A.W.), Juz. 1, Dar al-Fikr, 1401H/1971M, h. 258.
 2. Ash-Shidieqey, T. M. Hasbi, Sedjarah Dan Pengantar Ilmu al-Qur'an/Tafsir, Djakarta : Bulan Bintang, Cet. 5, 1972, h. 35.
 3. Ibn Hisyām, Op-cit., Juz. 4, h. 271.
 4. Ibn Kathīr, Tafsir Ibn Kathīr, Juz. 4, h. 529.

berdasarkan kepada beberapa isyarat (*qarīnah*)¹ daripada firman Allāh (S.W.T.), antaranya seperti yang ditegaskan oleh Allāh (S.W.T.) yang berbunyi:

إِنْ كُنْتُمْ آمَنْتُمْ بِاللَّهِ وَمَا أُنْزِلْنَا عَلَى عَبْدِنَا يَوْمَ الْفُرْقَانِ
يَوْمَ التَّلَاقِ الْجَمْعَانِ وَاللَّهُ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿٤١﴾

سُورَةُ الْأَنْفَالِ : 41

Ertinya :

"...Jika kamu beriman kepada Allāh dan apa-apa yang Kami turunkan kepada hamba Kami, pada hari perceraian (peperangan Badar) pada hari bertempur dua kaum (muslimin dan kafirin), Allāh Mahakuasa atas tiap-tiap sesuatu."²

Hari *Furqān* yang dimaksudkan dalam ayat diatas ialah hari di mana Allāh (S.W.T.) membezakan di antara kebenaran dengan kebatilan; iaitu hari berlakunya peperangan Badar.³ Pada hari tersebut dikatakan terjatuh pada hari Juma'at, tanggal 17 Ramadan tahun kedua Hijrah, di mana pada hari itulah berlakunya pertempuran antara tentera Islam dengan tentera kafir Quraisy dalam

1. Antara lain, isyarat itu dirujuk kepada sūrah al-Baqarah, 2 : 185, al-Qadar, 97 : 1-5, al-Dukhān, 44 : 1-5, dan al-Anfāl, 8 : 41. (Ibn Hisyām, *Op-cit.*, h. 258, Ash-Shidieqey, *Op-cit.*, h. 35.)

2. Mahmud Junus, *Terjemahan al-Our'ān*, Sūrah al-Anfāl, 8 : 41, h. 165.

3. Ibn Kathīr, *Tafsir Ibn Kathīr*, Juz. 2, h. 313.

suatu peperangan yang dikenali dengan Perang Badar.¹ Oleh sebab itu sesetengah ulama' menyatakan bahawa malam al-Qadar itu ialah malam 17 Ramadhan. Sebenarnya menetapkan malam 17 Ramadhan itu sebagai malam turunnya al-Qur'an adalah berdasarkan kepada isyarat (qarīnah) yang disebutkan daripada firman Allāh (S.W.T.) seperti di atas.

Namun begitu ada juga ulama lain menafsirkan bahawa yang diturunkan pada hari Furfān (perbezaan) itu bukannya al-Qur'an tetapi malāikat.² Ringkasnya tarikh turunnya al-Qur'an tidaklah diketahui dengan tepat kerana Allāh (S.W.T.) tidak menjelaskannya dengan tegas. Apa yang penting bagi umat Islam ialah mengimannya dengan yakin di samping mengamalkan isi kandungannya.

Mengenai permulaan turunnya wahyu pertama,³ pernah diceritakan oleh 'Aisyah (R.A.) seperti berikut :

-
1. Ibid. Abū 'Abdullāh al-Zanjānī, Tārīkh al-Qur'an, Qāhirah : Mu'assasah al-Halabi Wa Syarikah, (t.t.), h. 7. Ibn Hisyām, Op-cit., Juz. 1, h. 259.
 2. Lubis, H M Arsjad Thalib, Op-cit., h. 6.
 3. Junjungan (S.A.W.) menerima wahyu yang pertama ketika beliau berusia 40 tahun; iaitu ketika beliau sedang berkhalwat di gua Hirā', mengasingkan dirinya daripada manusia dengan mengerjakan ibadah termasuk berpuasa. (Ibn Hisyām, Op-cit., Juz. 1, hh. 252-253, Abū 'Abdullāh al-Zanjānī, Op-cit., h. 14. Ada juga pendapat yang menyatakan ketika itu Junjungan (S.A.W.) berusia 41 tahun. (Ibid.)

"Bahawa pada permulaan wahyu itu diturunkan, ianya didahului oleh mimpi yang benar (ru'yah ṣādiqah) daripada Junjungan (S.A.W.) di mana beliau tidak melihat suatu ru'yah, melainkan jelas dan terang kejadiannya seperti pancaran cahaya dinihari. Kemudian beliau sangat suka bersunyi-sunyi diri, pergi ke gua Hira' bersendirian dan bertafakur di dalamnya. Di situlah beliau mengerjakan ibadah bermalam-malam, kemudian kembali ke rumahnya untuk mengambil bekalan dan datang semula ke sana untuk bertahanuth. Demikianlah keadaannya beberapa waktu hingga datanglah Malāikat Jibrīl (A.S.) membawa wahyu pertama kepada beliau dengan memerintahkannya supaya membaca sesuatu dengan berkata: "Bacalah", jawabnya: "Aku tidak pandai membaca." Dipeluknya Junjungan (S.A.W.) sehingga beliau merasa lemah dan mengulangi suruhannya: "Bacalah." Keadaan sedemikian dilakukan sebanyak tiga kali, dipeluk dilepas dan akhirnya dia berkata (terjemahannya): "Bacalah dengan nama Tuhanmu yang telah menciptakan. Telah menciptakan manusia daripada segumpal darah. Bacalah dan Tuhanmu amat pemurah. Yang mengajarkan (menulis) dengan pena. Yang mengajarkan kepada manusia apa-apa yang tidak diketahuinya."¹

Dengan perasaan takut dan mengeletar, beliau pulang ke rumah dan meminta supaya isterinya Sayidatina Khadijah (R.A.) menyelimutkannya. Setelah perasaan takutnya hilang, beliau menceritakan peristiwa itu kepada isterinya dengan perasaan bimbang dan takut dirinya akan binasa. Sebagai seorang isteri yang bijak dan penyayang, Sayidatina Khadijah (R.A.) dapat

-
1. Al-Suyūṭī, Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī al-Syāfi'ī, Al-Itqān Fī 'Ulūm al-Qur'ān, Juz. 1, Dār al-Fikr, (t.t), h. 24. Ibn Hisyām, Op-cit., hh. 252-255. Ibn Kathīr, Tafsīr Ibn Kathīr, Juz. 4, hh. 527-528.

menenangkan suaminya dengan berkata:

"Tidak sekali-kali, Demi Allāh, Tuhan tidak akan menghinakan engkau, kerana engkau adalah seorang yang suka memperhubungkan silaturrahim, suka menanggung kepayahan, membelanjakan harta kepada fakir miskin, menjamu tetamu dan menolong orang-orang yang berada di dalam kesusahan."¹

Kemudian Khadijah (R.A.) membawa beliau bertemu dengan Warqah bin Naufal bin Asad bin `Abd al-`Uzza bin Quṣai, anak saudara ayahnya; iaitu seorang yang pernah menganut agama Nasrānī, pandai menulis dalam bahasa Ibrānī, banyak membaca dan menterjemahkan kitab-kitab dalam agama Nasrānī ke dalam bahasa `Arab dan banyak pengalaman hidup. Sebagai seorang yang banyak pengalaman di samping mempunyai ilmu yang luas, beliau menjelaskan kepada Junjungan (S.A.W.) bahawa sebenarnya yang telah mendatangnya ialah Nāmūs² di samping menyatakan bahawa beliau adalah Nabi bagi umat manusia.

Mengenai cara al-Qur'ān diturunkan dari Lūh

-
1. Abū al-Ḥasan `Alī b. Ahmad al-Wāḥidī al-Naisābūrī, Asbab al-Nuzul, Cet. 1, Beirut: Dar al-Kutub al-`Ilmiyah, 1402H/1982M, h. 5. Ibn Hisyām, Op-cit., hh. 255-256.
 2. Nāmūs ialah Malaikat Jibrīl (A.S.) yang membawa wahyu kepada Nabi (S.A.W.) dan ianya pernah datang kepada Nabi Mūsā (A.S.). (Ibid.)

Mahfūz ke dunia, para ulama berselisih pendapat. Terdapat tiga pandangan mengenainya dan yang termasyhur ialah al-Qur'ān itu diturunkan ke langit dunia pada malam al-Qadar sekali gus. Kemudian diturunkan secara beransur-ansur sesudah itu dalam tempoh 20 tahun atau 23 tahun atau 25 tahun, berdasarkan kepada perselisihan yang terjadi tentang berapa lama Nabi (S.A.W.) bermukim di Mekah setelah beliau diangkat menjadi Rasul.¹

Pendapat kedua; iaitu al-Qur'ān itu diturunkan ke langit dunia dalam 20 kali *lailat al-Qadr*, atau dalam 23 kali *lailat al-Qadr* dalam 23 tahun, atau dalam 25 kali *lailat al-Qadr* dalam 25 tahun. Pada tiap-tiap malam diturunkan ke langit dunia sekadar yang hendak diturunkan dalam tahun itu kepada Muhammad (S.A.W.) dengan cara beransur-ansur.²

Menurut al-Sya'bi,³ al-Qur'ān mula-mula sekali

1. Al-Suyūṭī, Op-cit., Juz. 1, h. 41. Al-Zarkasyī, Op-cit., Jil. 1, h. 228.

2. Ibid.

3. Al-Sya'bi ialah 'Amir bin Syurahil, bergelar Abu 'Amru; iaitu 'ulamā' Mazhab Abu Hanifah yang paling terkemuka dan salah seorang Imam yang dipercayai dalam ilmu Hadith dan Fiqah. Beliau banyak meriwayatkan hadith daripada para sahabat seperti 'Ali bin Abi Talib, Sa'ad bin Abu Waqas, Zaid bin Thabit, Jābir bin 'Abdullāh dan lain-lain lagi. Beliau meninggal dunia pada tahun 109 H. (Subhi al-Salih, Op-cit., h. 50.)

diturunkan ialah pada malam al-Qadar. Selepas itu ianya diturunkan dengan beransur-ansur, berdikit-dikit dan berperingkat-peringkat pada masa yang berlainan.¹

Di antara pendapat-pendapat di atas, yang paling termasyhur di kalangan masyarakat dan dipegang oleh majoriti serta mendapat sokongan dari riwayat al-Hakim dalam kitāb al-Mustadrak, daripada Ibn `Abbās katanya:

"Al-Qur'ān diturunkan ke langit dunia pada malam al-Qadar secara sekali gus, kemudian diturunkan selepas itu secara beransur-ansur selama lebih kurang 20 tahun".²

Namun begitu ada yang berpendapat bahawa pandangan yang dikemukakan oleh al-Sya`bī itulah yang tepat. Alasannya ialah kerana ianya tidak berlawanan sama sekali dengan kenyataan Allāh (S.W.T.) bahawa al-Qur'ān diturunkan pada malam yang diberkati; iaitu pada bulan Ramadan, kerana yang dimaksudkan dengan kenyataan

-
1. Al-Suyūṭī, Op-cit., h. 41.
Sesetengah golongan berpendapat bahawa al-Qur'ān itu diturunkan dalam tiga tahap (peringkat):
 1. Diturunkan ke *Luh Mahfuz*.
 2. Diturunkan ke *Bait al-`Izzah* di langit dunia sekali gus.
 3. Diturunkan kepada Nabi Muhammad (S.A.W.) melalui perantaraan Malaikat Jibril (A.S.) secara beransur-ansur, mengikut keperluan.Al-Zarkasyī, Op-cit., hh. 236-237. Muhd. `Abd al-Azīm al-Zargani, op-cit., hh. 36-40.
 2. Al-Zarkasyī, Op-cit., h. 228.

itu ialah Allāh (S.W.T.) mula menurunkan al-Qur'ān pada malam mubarakah.¹ Kemudian Allāh (S.W.T.) menyifatkan malam itu sebagai malam al-Qadar; iaitu satu malam dalam bulan Ramadan.²

Kemudian selepas itu terus menerus ayat al-Qur'ān diturunkan oleh Allāh (S.W.T.) secara berdikit-dikit dan berperingkat-peringkat mengikut berbagai-bagai situasi dan peristiwa.³ Walaupun ulama' berselisih pendapat mengenai penurunan Kitāb Suci tersebut, tetapi yang jelas ialah ianya diturunkan oleh Allāh (S.W.T.) kepada Junjungan (S.A.W.) secara beransur-ansur tidak sekali gus. Lebih-lebih lagi terdapat banyak kenyataan yang menjelaskan bahawa Kitāb Suci itu diturunkan menurut keperluan; lima ayat, sepuluh ayat, kadang-kadang lebih dan kadang-kadang setengah ayat.⁴

Menurut al-Nakzawī dalam *Kitāb al-Waqf*, al-Qur'ān itu diturunkan bercerai-cerai, satu ayat, dua

-
1. Sila lihat Sūrah al-Dukhān, ayat 3.
 2. Al-Zarkasyī, *Op-cit.*, h. 230.
 3. Subhī al-Sālih, *Op-cit.*, h. 51.
 4. Ayat-ayat yang sepuluh ayat sekali turun ialah ayat-ayat yang menerangkan kisah (al-Ifk) tuduhan terhadap 'Aisyah dalam sūrah al-Nūr dan ayat-ayat pada permulaan sūrah al-Mu'minūn. Sementara ayat yang setengahnya sahaja diturunkan ialah (غَيْرَ أُولَى الضَّرَرِ). Al-Nisā', 4 : 95. Jalāl al-Din al-Sayūfī al-Syafi'e, *Op-cit.*, h. 44.

ayat, tiga ayat, empat ayat dan lebih banyak dari itu. Diriwayatkan oleh al-Baihaqī daripada Abū Khaldah daripada `Umar, ujaranya :

"Pelajarilah al-Qur'ān lima ayat lima ayat, kerana Junjungan (S.A.W.) menerimanya daripada Jibril (A.S.) lima ayat lima ayat."¹

Hakikatnya penurunan al-Qur'ān secara beransur-ansur itu mempunyai hikmah yang tertentu. Mengenainya, al-Suyūṭī memetik bahawa Abū Syāmah² ada menerangkan:

"Jika ditanya apakah rahsia al-Qur'ān diturunkan secara berdikit-dikit itu? Mengapa tidak diturunkan secara sekali gus seperti kitab lain yang terdahulu? Kami menjawab: Pertanyaan itu telah pun dijawab oleh Allāh (S.W.T.) dalam firman-Nya" yang berbunyi:

وَقَالَ الَّذِينَ كَفَرُوا لَوْلَا نُزِّلَ عَلَيْهِ الْقُرْآنُ جُمْلَةً وَاحِدَةً
كَذَلِكَ لِنُثَبِّتَ بِهِ فُؤَادَكَ وَرَتَّلْنَاهُ تَرْتِيلًا ﴿٣٢﴾

سُورَةُ الزُّمَرِ : 32

Ertinya :

"Berkata orang-orang yang kafir:
Mengapakah Qur'an tidak diturunkan

1. Ibid.

2. Abū Syāmah ialah seorang ulāma Fiqah Syāfi'ī, bernama `Abdul Raḥmān bin Ismāil bin Ibrāhīm bin Uthmān al-Muqaddasī. Pengarang kitāb al-Mursyid al-Wajiz Ilā `Ulūm Yata`allaq Bi al-Qur'ān al-`Azīz dan mensyarah kitāb al-Syatibiah mengenai Qirā'at al-Qur'ān yang terkenal itu. Beliau meninggal dunia pada tahun 664 H. (Subḥi al-Salīh, Op-cit., hh. 52.)

kepadanya (Muhammad) sekali gus saja? Begitulah keadaannya, supaya Kami tetapkan hati engkau (hai Muhammad) dengan Qur'ān itu, dan Kami bacakan kepadamu dengan lurus dan perlahan-lahan."¹

Berdasarkan ayat di atas, menunjukkan bahawa penurunan al-Qur'ān kepada Junjungan (S.A.W.) secara berdikit-dikit ialah untuk mengukuhkan jiwa beliau di samping menguatkan lagi azamnya untuk berjuang. Sebagaimana yang dimaklumi bahawa dalam perjuangan bagi menegakkan Islam, Junjungan (S.A.W.) tidak terkecuali dari menghadapi pelbagai rintangan, kesulitan dan kesedihan. Di saat-saat beginilah Allāh (S.W.T.) menghiburkan beliau dengan menurunkan al-Qur'ān.²

Tambahan pula ini menunjukkan bahawa Allāh (S.W.T.) terlalu mengambil berat terhadap diri Rasul-Nya serta dengan jalan ini juga memberi kesempatan yang banyak kepada Malaikat Jibrīl (A.S.) untuk turun menemui Junjungan (S.A.W.). Natijah dari pertemuan itu melahirkan rasa kegembiraan yang tidak terhingga dalam

-
1. Mahmud Junus, Terjemahan al-Qur'ān, Sūrah al-Furqān, 25 : 32, h. 327.
 2. Mannā` al-Qattān, Al-Tasyrī` Wa al-Fiqh al-Islām Tarikhan Wa Manhajān, h. 41. Sabir Ta`imat, Hādha al-Qur'ān Qissat al-Dhikr al-Hakim Tadwinan Wa Tafkiran, Beirut : Dār al-Jail, 1399H/1979M, h. 25. Muhd. `Alī al-Sabuni, Al-Tibyan Fi `Ulūm al-Qur'ān, Cet. 1, Beirut : Dār al-Irsyād, 1390H/1970M, h. 40.

jiwa Junjungan (S.A.W.). Sehubungan dengan itu Rasulullah (S.A.W.) yang terkenal dengan sifatnya sebagai seorang dermawan paling banyak menderma ketika dalam bulan Ramadan kerana dalam bulan tersebut beliau acap kali bertemu dengan Jibril (A.S.).¹

Seterusnya al-Qur'an diturunkan secara beransur-ansur dengan ayat-ayat secara silih berganti bagi tujuan untuk meringankan bebanan yang ditanggung oleh Junjungan (S.A.W.) dalam menyampaikan kebenaran Islam. Sesungguhnya beliau mendapat tentangan yang hebat daripada orang-orang kafir, andainya beliau terus menerus ditindas dan diseksa oleh mereka tanpa adanya wahyu yang diturunkan kepadanya, nescaya beliau merasa amat dukacita dan tiada tempat pergantungan. Di samping itu juga, Allah (S.W.T.) menjelaskan bahawa sifat orang-orang kafir sememangnya angkuh, sombong serta degil dan meminta supaya beliau bersabar.²

Hikmah lain al-Qur'an diturunkan secara beransur-ansur ialah sebagai jawapan kepada pertanyaan yang

1. Al-Suyuti, Op-cit., h. 43. Manna al-Qattan, Al-Tasyri' Wa al-Fiqh Fi al-Islam Tarikhan Wa Manhajan, hh. 40-41. Muhd. Abdullah al-Mahdi al-Badri, Op-cit., h. 33.

2. Ibid., hh. 69-72.

dikemukakan oleh orang-orang kafir yang degil di samping membuktikan kebenaran tentang kenabian dan kerasulan Muhammad (S.A.W.), kerana beliau tidak bercakap mengikut hawa nafsu. Penurunannya secara beransur-ansur juga adalah sebagai keterangan hukum bagi sesuatu kejadian yang berlaku supaya ianya menjadi lebih berkesan dan diterima oleh semua golongan sama ada orang-orang Islam mahupun orang-orang kafir.¹

Selain dari itu penurunan al-Qur'ān dalam struktur tersebut akan memudahkan Junjungan (S.A.W.) menghafaz segala yang diturunkan kepadanya. Ini adalah kerana beliau merupakan seorang yang ummi tidak tahu membaca dan menulis. Hal ini berbeza dengan rasul-rasul sebelumnya kerana kebanyakan daripada mereka tahu membaca dan menulis, di samping ditentukan kepada mereka dapat menghafaz keseluruhan isi kitab walaupun secara sekali gus.²

Bagi umat Islam, penurunan al-Qur'ān secara beransur-ansur akan memudahkan mereka menghafaz ayat-

-
1. Mannā' al-Qattān, Al-Tasyrī' Wa al-Fiqh Fī al-Islām Tārīkhan Wa Manhajian, hh. 41-42. Muhd. al-Mahdi al-Badri, Op-cit., h. 34. Haron Din, Op-cit., 236.
 2. Al-Zarkasyī, Op-cit., h. 231. Mannā' al-Qattān, Op-cit., h. 43. Subhī al-Ṣālih, Op-cit., hh. 55.

ayatnya di samping meringankan mereka dalam melakukan amalan baik yang berupa suruhan mahupun larangan daripada Allāh (S.W.T.). Ini dapat mendidik umat Islam khususnya bagi mereka yang baru memeluk agama Islam dengan meninggalkan amalan-amalan Jahiliah yang bertentangan dengan syari'at Islam secara beransur-ansur dan ianya merupakan suatu rahmat kepada mereka.¹

Dari aspek roh al-Qur'ān itu sendiri, bahawa penurunannya secara beransur-ansur dapat meyakinkan manusia bahawa ianya adalah daripada Allāh (S.W.T.), bukannya daripada Nabi Muhammad (S.A.W.). Kerana tentulah tidak logik atau mustahil bagi seorang yang *ummi* dapat menghubungkan kisah yang sama melalui ayat yang diturunkan kemudian dengan ayat-ayat yang diturunkan bertahun-tahun sebelumnya.²

Mengenai ayat yang ulung diturunkan, para 'ulamā' berselisih pendapat mengenainya, tetapi yang paling rajih ialah ayat 1 hingga 5 dari sūrah al-'Alaq sebagaimana firman Allāh (S.W.T.):³

-
1. Haron Din, Op-cit., h. 236. Muhd. al-Mahdī al-Badrī, Op-cit., h.34.
 2. Ibid., h. 35.
 3. Al-Sayūti, Op-cit., Juz. 1, h. 24. Al-Zanjānī, Op-cit., hh. 8-9. Muhd. 'Abd al-'Azim al-Zarqani, Op-cit., h. 86.

أَفْرَأَيْتَ الَّذِي خَلَقَ ۖ (۱) خَلَقَ الْإِنْسَانَ مِنْ عَلَقٍ ۖ (۲) أَفَرَأَوْ رَبَّهُ
 أَلَا كَرُمٌ ۖ (۳) الَّذِي عَلَّمَ بِالْقَلَمِ ۖ (۴) عَلَّمَ الْإِنْسَانَ مَا لَمْ يَعْلَمْ ۖ (۵)

سُورَةُ الْعَلَقِ : 1-5

Ertinya :

"Bacalah (ya Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang telah menciptakan. Telah menciptakan manusia dari segumpal darah. Bacalah dan Tuhanmu amat pemurah. Yang mengajarkan (menulis) dengan pena. Yang mengajarkan kepada manusia apa-apa yang tiada diketahui."¹

Penetapan ayat tersebut sebagai ayat yang pertama sekali diturunkan adalah didasarkan kepada hadīth riwayat Bukhārī dan Muslim daripada `Aisyah (R.A.) seperti yang dijelaskan sebelum ini.²

Pendapat lain, menyatakan bahawa ayat yang pertama diturunkan ialah dari sūrah al-Muddaththir yang diriwayatkan oleh Bukhārī daripada Jābir bin `Abdullāh al-Ansārī yang berbunyi :

"أَوَّلُ شَيْءٍ نَزَلَ مِنَ الْقُرْآنِ يَا أَيُّهَا الْمَدِينُ"

Ertinya :

"Ayat al-Qur'an yang pertama diturunkan

-
1. Mahmud Junus, Terjemahan al-Qur'an, Surah al-`Alaq, 96 : 1-5, h. 537.
 2. Al-Naisabūrī, Op-cit., h. 5.

ialah al-Muddaththir."¹

Sebenarnya hadīth Jābir tidak bertentangan dengan hadīth yang disebutkan oleh ʿĀisyah (R.A.) tentang sūrah al-ʿAlaq, sebab Jābir mendengar daripada Nabi (S.A.W.) tentang kisah yang akhir dan beliau belum mendengar yang dahulunya. Justeru itu beliau menyangka bahawa surah al-Muddaththir adalah sebagai ayat yang pertama diturunkan tetapi yang sebenarnya tidaklah demikian.²

Surah al-Muddaththir itu adalah ayat yang pertama diturunkan selepas ayat "Iqra'". Hal ini dikuatkan dengan riwayat daripada Jābir sendiri; iaitu perkataan "Malaikat yang pernah datang ke gua Hirā'" menemui Junjungan (S.A.W.) yang ertinya :

"Aku mendengar Rasūlullāh (S.A.W.) bercerita tentang masa fatrah wahyu, beliau bersabda: "Ketika aku berjalan, tiba-tiba aku mendengar suara dari langit dan segera aku melihat ke atas, tiba-tiba Malaikat yang pernah datang di gua Hirā' nampak sedang duduk di kursi (yang berada) di antara langit dan bumi. Aku merasa takut dan segera pulang, aku berkata : "Selimutilah aku...! lalu mereka menyelimutiku. Kemudian Allāh (S.W.T.) menurunkan ayat بِأَنبَاءِ الْمَدَنِيِّ"³

1. Ibid., h. 24.

2. Ibid., hh. 6-7. Al-Suyūṭī, Op-cit., hh. 24-25. Ibn Kathīr, Tafsir Ibn Kathīr, Juz. 4, h. 440.

3. Ibid. Al-Zarkasyī, Op-cit., hh. 206-207. Muḥd. ʿAbd al-ʿAzīm al-Zarqānī, Op-cit., hh. 87-88.

Pendapat lain tentang ayat pertama diturunkan ialah sūrah al-Fātiḥah,¹ sūrah al-Duhā dan permulaan surah al-Muzammil.² Berdasarkan keterangan di atas, yang paling rajih dan termasyhur mengenai ayat yang mula-mula sekali diturunkan ialah permulaan sūrah al-ʿAlaq, kerana ia disokong oleh kebanyakan ulama dan ahli-ahli tafsir.³

Demikian juga dengan ayat terakhir diturunkan, para ulama berselisih pendapat mengenainya. Ada yang menyatakan ayat yang akhir dalam sūrah al-Nisā' yang berbunyi: ⁴ يَسْتَفْتُونَكَ قُلِ اللَّهُ يَفْتِيكُمْ فِي الْكَلَالَةِ Berdasar kepada riwayat Ubai bin Ka'ab, setengah ulama berpendapat bahawa ayat terakhir diturunkan itu ialah ayat ⁵ لَقَدْ جَاءَكُمْ رَسُولٌ مِنْ أَنْفُسِكُمْ sūrah al-Taubah Ada pula yang menyatakan bahawa ayat ⁶ إِذَا جَاءَ نَصْرُ اللَّهِ فِيهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَذَرُوا مَا بَقِيَ مِنَ الرِّبَا dalam sūrah al-Nasr, dalam sūrah al-Baqarah, ayat :

-
1. Al-Suyūṭī, Op-cit., h. 25. Muḥd. ʿAbdullāh al-Maḥdī al-Badrī, Op-cit., h. 36.
 2. Ash-Shidieqey, Op-cit., h. 45.
 3. Muḥd. ʿAbd al-ʿAzīm al-Zarqānī, Op-cit., 35.
 4. Al-Nisābūrī, Op-cit., h. 8, Al-Suyūṭī, Op-cit., h. 27.
 5. Al-Zarkasyī, Op-cit., h. 209.
 6. Ibid.

فَمَنْ كَانَ يَرْجُوا لِقَاءَ رَبِّهِ فَلْيَعْمَلْ عَمَلًا صَالِحًا وَلَا يُشْرَكَ بِعِبَادَةِ رَبِّهِ أَحَدًا
 dalam sūrah al-Kahf¹ merupakan ayat terakhir. Sementara
 pandangan lain menyatakan ayat terakhir yang diturunkan
 ialah وَاتَّقُوا يَوْمًا تُرْجَعُونَ فِيهِ إِلَى اللَّهِ ثُمَّ تُوَفَّى كُلُّ نَفْسٍ مَا كَسَبَتْ وَهُمْ لَا يُظْلَمُونَ dalam
 sūrah al-Baqarah.²

Sementara pendapat yang masyhur dalam masyarakat
 kita menyatakan bahawa ayat al-Qur'ān yang terakhir
 diturunkan ialah ayat ke-3 sūrah al-Mā'idah:³

الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتِمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيتُ
 لَكُمُ الْإِسْلَامَ دِينًا ﴿٣﴾

سُورَةُ الْمَائِدَةِ : 3

Ertinya :

"...Pada hari ini (`Arafah) Aku
 sempurnakan bagimu agamamu dan Aku
 cukupkan nikmatKu untukmu dan Aku sukai
 Islam menjadi agamamu...".⁴

Al-Ṣabūnī berpendapat bahawa pandangan tersebut
 tidak tepat kerana ayat tersebut diturunkan kepada
 Junjungan (S.A.W.) pada waktu haji Wada'; iaitu ketika
 beliau sedang wukuf di `Arafah, pada hal setelah itu
 beliau masih sempat hidup selama 81 hari, dan sebelum

1. Muhd. `Abd al-`Azīm al-Zarqānī, Op-cit., hh. 90-92.

2. Al-Suyūṭī, Op-cit., h. 27.

3. Al-Suyūṭī, Op-cit., h. 28. Muhd. `Abd al-`Azīm al-Zarqānī, Op-cit., h. 92.

4. Mahmud Junus, Terjemahan al-Qur'ān, Sūrah al-Mā'idah, 5 : 3, h. 98.

beliau wafat turūnlah sebuah ayat dalam sūrah al-Baqarah yang berbunyi:

وَأَتَقُوا يَوْمَ تَرْجَعُونَ فِيهِ إِلَى اللَّهِ ثُمَّ تُوَفَّى كُلُّ نَفْسٍ مَا كَسَبَتْ
وَهُمْ لَا يُظْلَمُونَ ﴿٢٨١﴾

Demikian juga al-Zarqānī, beliau memberi komentar mengenai ayat 3, sūrah al-Mā'idah itu, di mana menurut kajiannya bahawa ayat tersebut bukanlah ayat yang terakhir diturunkan. Walaupun ayat itu secara jelas Allāh (S.W.T.) menyatakan tentang kesempurnaan agama-Nya dan diturunkan pada hari `Arafah; iaitu pada masa haji Wada' tahun ke-10 Hijrah. Namun begitu selepas dua bulan lebih setelah ayat tersebut diturunkan, terdapat ayat lain yang diturunkan kemudiannya; iaitu ayat 281 dalam sūrah al-Baqarah. Diriwayatkan selepas penurunan ayat tersebut, Rasūlullāh (S.A.W.) masih sempat hidup selama tujuh hari sahaja lagi.² Justeru itu dengan berpandukan kepada situasi tersebut sesetengah ulama berpendapat bahawa ayat yang akhir diturunkan mengenai hukum ialah pada hari `Arafah. Sementara ayat-ayat lain yang turun

1. Al-Suryūṭī, Op-cit., h. 27. Ibn Kathīr, Tafsīr Ibn Kathīr, Juz. 1, h. 333.

2. Ada yang berpendapat bahawa Junjungan (S.A.W.) masih hidup sesudah turun ayat ini selama sembilan malam kemudian wafat pada malam Ithnin, bulan Rabi'ul Awal. Ash-Shidieqey, Op-cit., h. 51, Ibn Kathīr, Tafsīr Ibn Kathīr, Juz. 1, h. 333, Muhd. `Abd al-`Azīm al-Zarqānī, Op-cit., h. 90.)

sesudahnya tidak lagi mengenai hukum dan dengan itu pendapat di atas tidaklah berkontroversi.¹

Dari keterangan di atas, jelas menunjukkan bahawa *al-Qur'ān al-Karīm* diturunkan oleh Allāh (S.W.T.) kepada Junjungan (S.A.W.) secara-cara beransur-ansur, bukanlah dengan cara sekali gus. Penurunannya sedemikian rupa mempunyai hikmat-hikmat tertentu demi kepentingan dan kemaslahatan umat Islam.

1. Ibid.

2.3 Pengumpulan al-Qur'an

Dari aspek sejarah, penulisan dan pengumpulan al-Qur'ān adalah bermula sejak dari zaman Rasūlullāh (S.A.W.) lagi, di mana ianya meliputi dua bentuk; iaitu dalam bentuk hafaz dan tulisan. Junjungan (S.A.W.) merupakan personaliti ulung yang bertanggungjawab bagi mengumpul al-Qur'ān dengan makna menghafaz dan mengingatnya di dalam hati. Manakala dalam bentuk tulisan, Junjungan (S.A.W.) menyuruh para sahabat (R.A.) yang pandai menulis supaya mencatat al-Qur'ān.¹

Sebaik sahaja Junjungan (S.A.W.) menerima wahyu daripada Allāh (S.W.T.), beliau terus membacanya berulang kali untuk mengingati dan menghafazkannya. Kemudian beliau mengajar para sahabat (R.A.) membaca al-Qur'ān dengan bersungguh-sungguh tanpa jemu, sementara para sahabat (R.A.) pula sentiasa membaca serta menghafaznya di samping mengajar isteri serta anak-anak mempelajarinya. Oleh itu, rumah yang dihuni oleh Junjungan (S.A.W.) dan para sahabat (R.A.) sekeliannya dihidupkan dengan bacaan al-Qur'ān baik di waktu siang mahupun malam.²

1. Subhī al-Salih, Op-cit., hh. 65-69.

2. Muhd. 'Alī al-Sabūnī, Op-cit., hh. 55-57.

Walaupun tidak terdapat kemudahan alat-alat tulis pada zaman Rasūlullāh (S.A.W.), tetapi menurut sejarawan Islam, sebaik sahaja beliau menerima wahyu daripada Allāh (S.W.T.), beliau memerintahkan jurutulisnya supaya mencatat ayat-ayat al-Qur'ān yang diterimanya. Diriwayatkan daripada Zaid bin Thābit (R.A.) katanya:

"Semasa kami berada bersama-sama Rasūlullāh (S.A.W.), kami menulis dan menyusun al-Qur'ān di atas kepingan kulit-kulit, batu dan daun-daun kayu."¹

Di antara juru tulis Junjungan (S.A.W.) yang termasyhur ialah Khulafā' al-Rāsyidīn, Zaid bin Thābit, Ubai bin Ka'ab, Khālid bin al-Walīd, Mu'āwiah dan Thābit bin Qais (R.A.).²

Penyusunan al-Qur'ān pada masa Junjungan (S.A.W.) bermaksud menyusun segala kalimah, ayat-ayat dan sūrah secara *taufiqī*; iaitu mengikut pertunjuk dan arahan daripada beliau.³ Pada masa tersebut al-Qur'ān tidak dibukukan atau dikumpulkan dalam satu *muṣḥaf* kerana

-
1. Al-Suyūṭī, Op-cit., Juz. 1, h. 59. Muḥd. 'Abd al-'Azīm al-Zarqānī, Op-cit., h. 240.
 2. Ibid. Al-Zanjānī, Op-cit., h. 20. Subḥī al-Sālih, Op-cit., hh. 69.
 3. Al-Suyūṭī, Op-cit., hh. 62-63. Muḥd. 'Abd al-'Azīm al-Zarqānī, Op-cit., h. 240.

beberapa faktor.¹ Al-Qur'ān hanya dicatat secara tidak tersusun di atas kepingan kulit-kulit, daun-daun, tulang-tulang dan batu. Semua catatan ini dikumpulkan dan disimpan di rumah Rasūlullāh (S.A.W.) sendiri. Walaupun ada di kalangan para sahabat (R.A.) menyalin semula ayat-ayat al-Qur'ān dari catatan-catatan tersebut, tetapi mereka tetap mengutamakan cara hafalan dari tulisan.²

Selepas kewafatan Junjungan (S.A.W.), Sayidinā Abū Bakar al-Ṣiddiq (R.A.) dilantik sebagai Khalīfah Islam yang pertama.³ Pada zaman beliau, telah berlaku peperangan Yamamah pada tahun 12 H., di mana orang-orang Islam memerangi golongan murtad yang menjadi pengikut Musailamah al-Kadhāb. Implikasi dari peperangan tersebut, ramai dari kalangan para sahabat yang

1. Antaranya ialah:

1. Keadaan tidak menizinkan kerana para pembaca dan penghafaz al-Qur'ān pada masa itu terlampau ramai dan umat Islam semuanya baik-baik.
 2. Rasūlullāh (S.A.W.) sendiri sentiasa dalam keadaan berjaga-jaga dan tertunggu-tunggu kemungkinan urunnya wahyu yang bertalu-talu kepadanya.
 3. Takut terjadi perubahan padanya.
 4. Alat-alat menulis bukannya mudah.
- Ibid., h. 100. Muhd. 'Abd al-'Azīm al-Zarqānī, Op-cit., h. 241.

2. Ibid., hh. 100-101.

3. Ibn Hisyām, Op-cit., Juz. 4, h. 340.

menghafaz al-Qur'ān telah terkorban dan gugur syahid.¹ Maka Sayidina `Umar al-Khattāb (R.A.) mengesyorkan kepada Sayidina Abū Bakar (R.A.) supaya Kitāb Suci itu dikumpulkan menjadi satu *muṣḥaf* kerana bimbangkan terhapusnya al-Qur'ān.²

Bagi melaksanakan tujuan tersebut, Khalīfah Abū Bakar (R.A.) telah memerintahkan Zaid bin Thābit (R.A.) dengan bantuan beberapa orang sahabat supaya mengumpulkan al-Qur'ān. Kerja-kerja penulisan dan pengumpulan dilakukan dengan begitu teliti berpandukan kepada ayat-ayat al-Qur'ān yang ditulis di hadapan Junjungan (S.A.W.) serta yang tersimpan di rumah beliau di samping ayat-ayat yang dihafaz oleh para sahabat (R.A.). Ketelitian Zaid (R.A.) jelas sehingga beliau tidak mahu menerima tulisan ayat-ayat al-Qur'ān, kecuali disaksikan oleh dua orang saksi yang adil.³ Akhirnya al-

-
1. Ada yang menyatakan bilangannya 70 orang. (Muḥd. `Abd al-`Azim al-Zarqānī, Op-cit., h. 238.) Pendapat lain menyatakan bilangannya ialah 140 orang. (Muḥd. `Alī al-Ṣabūnī, Op-cit., h. 57.) Ada pula yang berpendapat bilangannya seramai 450 orang. (Al-Zarkasyī, Op-cit., h. 233.)
 2. `Abd al-Qādir Ḥusīn, Op-cit., h. 21. Al-Suyūṭī, Op-cit., h. 590. Al-Zanjānī, Op-cit., h. 40. Ibn Kaṭhīr, Op-cit., Bāb Fadāil al-Qur'ān, Juz. 4, h. 8.
 3. Al-Suyūṭī, Op-cit., h. 60. Al-Zanjānī, Op-cit., h. 40.

Qur'an berjaya dikumpulkan menjadi satu mushaf.¹

Kebanyakan ulama berpendapat bahawa pengumpulan dan penulisan al-Qur'an pada zaman Rasūlullāh (S.A.W.) dilakukan meliputi tujuh huruf.² Para cendekiawan Islām mengemukakan tafsir yang berbeza mengenai maksud tujuh huruf itu,³ di mana menurut pendapat yang kuat⁴ tujuh huruf itu adalah sebagai tujuh wajah bacaan yang dibenarkan Allāh (S.W.T.). Justeru itu setiap orang boleh memilih mana-mana wajah bacaan yang disukai dan menyenangkannya.

-
1. Keterangan yang didapati menunjukkan bahawa nama mushaf yang digelarkan kepada al-Qur'an itu mula lahir pada zaman Abū Bakar (R.A.); iaitu setelah mereka berbincang untuk mencari suatu nama bagi al-Qur'an yang dikumpulkan itu. (Subhī al-Salih, Op-cit., hh. 77-78).
 2. Al-Suyūṭī, Op-cit., hh. 46-47. Ibn Kathīr, Tafsīr Ibn Kathīr, Bāb Fadāil al-Qur'ān, Juz. 4, h. 16. Subhī al-Salih, op-cit., h. 73.
 3. Al-Suyūṭī, Op-cit., h. 47. Ibn Kathīr, Tafsīr Ibn Kathīr, Bāb Fadāil al-Qur'ān, Juz. 4, h. 21. Muḥd 'Abdullah al-Mahdī al-Badrī, Op-cit., hh. 56-63. Subhī al-Salih, Op-cit., h. 101.
 4. Pendapat ini dikemukakan oleh Subhī Sālih dalam bukunya Mabāhith Fi 'Ulūm al-Qur'ān. Beliau telah mengadakan istinbāt dan istiqrā' (penyiasatan dan penyelidikan) terhadap pandangan-pandangan yang diutarakan oleh ulama - ulama terdahulu seperti Abu al-Faḍl al-Rāzī dan lain-lain lagi. Akhirnya beliau memberi maksud tujuh huruf seperti yang dijelaskan di atas di mana ianya tidak bertentangan dengan naqal dan akal. Ibid., hh. 104-116.

Terdapat banyak hadith sahih yang diriwayatkan dari pelbagai sumber, menjelaskan bahawa Junjungan (S.A.W.) pernah menyatakan bahawa al-Qur'an itu diturunkan atas tujuh huruf. Di antaranya, sebuah hadith riwayat Bukhari dan Muslim dengan lafaznya oleh Bukhari, bahawa Sayidina Umar bin al-Khattab (R.A.) berkata:

"Aku telah mendengar Hisyam bin Hakim membaca surah al-Furqan semasa Junjungan (S.A.W.) masih hidup, tiba-tiba beliau membaca surah itu dengan bermacam-macam huruf (berbeza lajah bacaan) yang (sejauh ingatanku) tidak pernah dilakukan oleh Junjungan (S.A.W.), kerana itu aku hampir-hampir menerpa kepadanya (yang masih sembahyang) tetapi aku bersabar dan menunggu sehingga ia selesai memberi salam." Lalu aku mencuitnya seraya berkata: "Siapakah yang mengajar engkau membaca surah ini?" Jawabnya: "Rasulullah (S.A.W.) sendiri yang telah mengajar aku membacanya." Aku berkata kepadanya: "Pembohong, engkau telah berdusta. Demi Allah, sesungguhnya Rasulullah (S.A.W.) telah memperdengarkan bacaan surah ini kepadaku, ianya berbeza dari apa yang engkau bacakan." Lantas aku membawanya bertemu Junjungan (S.A.W.) seraya berkata: "Wahai Rasulullah (S.A.W.), saya telah mendengar orang ini membaca surah al-Furqan dengan huruf-huruf yang Rasulullah (S.A.W.) telah memperdengarkan bacaan surah al-Furqan ini kepada saya." Sabda Rasulullah (S.A.W.) (terjemahan): "Wahai Umar, lepaskan dia dan wahai Hisyam, sila perdengarkan bacaan itu." Maka Hisyam pun membaca surah itu mengikut bacaan yang telah kudengar daripadanya tadi. Setelah selesai, Junjungan (S.A.W.) bersabda (terjemahan): "Beginilah ayat-ayat ini diturunkan." Kemudian Junjungan (S.A.W.) bersabda lagi (terjemahan): "Bacalah wahai Umar." Lalu aku pun membacanya dan Junjungan (S.A.W.) bersabda:

"كَذَلِكَ أُنزِلَتْ إِنَّ هَذَا الْقُرْآنَ أُنزِلَ عَلَى سَبْعَةِ أَحْرَفٍ
فَاتَرَوْا مَا تيسر مِنْهُ"

(رواه البخاري)

Ertinya:

"Demikianlah ianya diturunkan,
sesungguhnya al-Qur'ān itu diturunkan
dengan tujuh huruf, maka bacalah
mengikut cara yang paling senang kepada
kamu semua."¹

Di antara hikmat sebenarnya al-Qur'ān diturunkan
dengan tujuh huruf ini adalah untuk memberi kemudahan
dan keselesaan kepada umat Islam khususnya bangsa `Arab
yang terdiri dari pelbagai qabilah dengan mempunyai
dialek (loghat) yang berbeza di antara mereka.²
Penurunan al-Qur'ān dengan tujuh huruf juga turut
menghormati setiap dialek yang dipertuturkan oleh
qabilah-qabilah tersebut di samping memberi kelonggaran
kepada mereka dengan bacaan masing-masing. Namun begitu
bahasa `Arab Quraisy merupakan bahasa kebangsaan (rasmi)

-
1. Al-Bukhārī, Sahih al-Bukhārī, Kitāb Fadāil al-Qur'
ān, Bāb Unzila al-Qur'an `Alā Sab`at Ahruf, Jil. 3,
Juz. 5, Dār al-Fikr, 1401H/1981M, h. 100. Muhd.
`Abdullah al-Mahdi al-Badri, Op-cit., hh. 57-58.
Subhi al-Salih, Op-cit., hh. 101.
 2. Mannā` al-Qattān, Mabāhith Fī `Ulūm al-Qur'ān, h.
145.

bagi seluruh bahasa-bahasa qabilah tadi,¹ oleh yang demikian al-Qur'ān diturunkan dalam bahasa 'Arab Quraisy.²

Setelah Khalīfah Abū Bakar (R.A.) meninggal dunia, muṣḥaf al-Qur'ān disimpan di rumah Sayidina 'Umar (R.A.), hinggalah beliau meninggal kemudian disimpan pula oleh anaknya Hafṣah binti 'Umar (R.A.).³

Pada masa pemerintahan Khalīfah 'Uthmān bin 'Affān (R.A.), agama Islām telah berkembang pesat hingga ke negeri Syām, Kūfah, 'Irāq dan lain-lain lagi. Oleh itu wujudlah perbezaan dari segi bacaan al-Qur'ān, dengan masing-masing mengaku mempunyai bacaan yang terbaik. Dalam peperangan di Armenia dan Azerbaijan, perselisihan itu berlaku lagi di mana penduduk Syam mengambil kaedah bacaan daripada Ubai bin Ka'ab, sementara penduduk Kūfah mengambil kaedah bacaan daripada 'Abdullāh bin Mas'ūd dan yang lain membaca

1. Bahasa-bahasa khusus bagi qabilah-qabilah Maḍar ialah Huzail, Kinānah, Qais, Dābbah, Taim al-Riāb, Asad bin Khuzaimah dan Quraisy. (Al-Sayuti, Op-cit., Juz. 1, h. 49. Subhī al-Ṣālih, Op-cit., h. 105).

2. 'Abd al-Qādir Hujīn, Op-cit., h. 27. Muhd. 'Abdullāh al-Mahdi al-Badri, Op-cit., h. 61.

3. Subhī al-Ṣālih, Op-cit., h. 77.

qirā'at Abū Musa al-Asy'ari.¹

Pertelingkahan tersebut hampir-hampir membawa fitnah dan kehancuran kepada umat Islam. Sekembalinya dari sana, Huzaifah bin al-Yaman mengajukan kepada Khalīfah tentang peristiwa tersebut dan mengingatkan bahawa ianya sama seperti yang pernah terjadi kepada orang-orang Yahūdī dan Nasrānī sebelum ini.² Bagi tujuan penyelarasan itu, Khalīfah 'Uthmān bin 'Affān (R.A.) telah membentuk satu jawatankuasa yang dianggotai oleh Zaid bin Thābit, 'Abdullāh bin al-Zubair, Sa'id bin al-'As, 'Abdul Rahmān bin al-Hārith bin Hisyām (R.A.) dengan menggunakan naskhah mushaf simpanan Hafṣah (R.A.).³

Tugas utama jawatankuasa ini ialah membukukan Kitāb Suci tersebut dengan menyalin semula lembaran-lembaran al-Qur'ān yang diambil daripada Siti Hafṣah (R.A.) untuk dijadikan sebuah mushaf. Di samping itu

-
1. Sya'ban Muḥd. Ismā'il, Ma'a al-Qur'ān al-Karīm Fī Tarikhi, Khasā'isihi, Ahkāmihī, Asrārihi, Qirā'atihī Adab Tilāwatihī, Nāsikhīhī Wa Mansūkhīhī, Dār al-Ittihād al-'Arabī, 1398H/1978M, h. 79. Al-'Asqalānī, Ahmad bin 'Alī bin Hajar al-'Asqalānī, Fadail al-al-Qur'an, Cet. 1, Beirut : Dār Wa Maktabah al-Hilāl, 1986, hh. 25-39.
 2. Ibid., h. 25. Al-Suyūṭī, Op-cit., Juz. 1, h. 61.
 3. Ibid. Al-'Asqalānī, Op-cit., h. 25. Ibn Kathīr, Tafsīr Ibn Kathīr, Bāb Fadail al-Qur'an, Juz. 4, h. 10.

Sayidinā `Uthmān (R.A.) menasihatkan mereka dengan katanya:

"Jika sekiranya timbul pertelingkahan di antara kamu bertiga dengan Zaid bin Thābit mengenai sesuatu tentang al-Qur'ān, hendaklah kamu tulis perkara itu dengan lajjah (dialek) suku Quraisy, kerana sesungguhnya al-Qur'ān itu diturunkan dengan lidah Quraisy, lalu mereka pun melaksanakan perintah itu."

Setelah selesai kerja-kerja itu dilakukan, maka naskhah asal itu dikembalikan semula kepada Hafṣah. Jawatan kuasa tersebut telah menyediakan beberapa naskhah, kemudian dihantar ke seluruh negara. Segala tulisan yang lain sama ada di kulit-kulit, pelepah tamar, pada batu mahupun dalam bentuk *mushaf*, diperintahkan oleh Sayidinā `Uthmān (R.A.) supaya membakarnya.¹

Mengenai tindakan Sayidinā `Uthmān (R.A.) membakar segala *mushaf* peribadi atau *mushaf* kegunaan persendirian itu, sebenarnya beliau tidak melakukan demikian melainkan setelah bermesyuarat dengan para sahabat (R.A.) yang mulia dan mendapat sokongan daripada mereka terlebih dahulu. Dalam hal ini Suwaid bin Ghafilah menerangkan bahawa Sayidinā `Alī (R.A.) pernah berkata:

1. Al-`Asqalānī, Op-cit., h.25. Al-Suyūṭī, Op-cit., Juz. 1, h. 61.

"Wahai sekalian manusia, takutlah kamu kepada Allāh (S.W.T.). Janganlah kamu mengata-ngata Sayidina `Uthmān (R.A.) dengan kata-kata yang tidak baik, sesungguhnya demi Allāh, segala sesuatu yang dilakukannya terhadap mushaf itu adalah dengan persetujuan dan kehendak kami semua."<sup>1</sup> Sayidina `Alī (R.A.) berkata lagi: "Jika aku yang ditugaskan seperti yang ditugaskan kepada Sayidina `Uthmān (R.A.) itu, nescaya akan ku lakukan kepada mushaf itu sebagaimana yang telah dilakukan oleh beliau."²

Para ulama berselisih pendapat mengenai bilangan mushaf yang dihantar ke wilayah-wilayah Islām pada masa itu. Menurut Abū `Amru al-Dāni,<sup>3</sup> kebanyakan ulama berpendapat bahawa Sayidina `Uthmān (R.A.) telah menyediakan sebanyak empat mushaf, satu dihantar ke Kufah, satu ke Basrah dan satu ke Syām manakala yang satu lagi disimpannya (di Madīnah). Ada pendapat yang menyatakan bahawa naskhah yang disalin itu ada sebanyak tujuh buah semuanya, selain dari di atas di hantar ke Makkah, Yaman dan Bahrain. Manakala al-Suyūṭī pula berpendapat bahawa sesungguhnya mengikut pendapat yang

1. Muḥd. `Abdullāh al-Maḥdī al-Badrī, Op-cit., h. 79. Subḥī al-Ṣālih, Op-cit., h. 86.

2. Muḥd. `Abd al-`Azīm al-Zarqānī, Op-cit., hh. 254-255.

3. Beliau ialah `Uthmān bin Sa`īd, Abū Amru al-Dāni; iaitu salah seorang Imam besar dalam ilmu bacaan al-Qur`ān. Di antara kitabnya yang paling masyhūr ialah al-Taisīr Fī al-Qira`at al-Sab`i, al-Muḥni Fī Rasm al-Qur`ān dan al-Muhakkam Fī al-Nuḡat al-Maṣāhif. Beliau meninggal dunia pada tahun 444 H. (Subḥī al-Ṣālih, Op-cit., h. 84.)

masyhur, *mushaf* itu disalin sebanyak lima naskah semuanya.¹ Antara ibu negeri yang dikirim salinan itu ialah Makkah, Kūfah, Basrah, Syria, dan Syām.² Sebuah naskah asal disimpan sendiri oleh Sayidinā `Uthmān (R.A.) dan ianya dinamakan *mushaf al-Imām*.³

Sebagai langkah untuk menguatkan lagi penerimaan orang ramai terhadap *mushaf al-Qur'ān*, maka Sayidinā `Uthmān (R.A.) mengutuskan seorang hafiz *al-Qur'ān* ke wilayah-wilayah berkenaan. Misalnya, Zaid bin Thābit (R.A .) dilantik menjadi pembaca kepada *mushaf* Madanī, `Abdullāh bin al-Sa'ib dikirim ke Makkah, al-Mughīrah bin Syahab pembaca *mushaf* Syām, Abū `Abdul Rahmān al-Salmī pembaca *mushaf* Kūfah dan `Amir bin `Abd al-Qais pembaca *mushaf* Basrah.⁴

Sesungguhnya usaha mulia Sayidina `Uthmān (R.A.) mengumpulkan *al-Qur'ān* menjadi *mushaf* tanpa menambah dan mengurangkannya dari yang asal, telah dapat menyatukan kaum muslimin dalam satu bentuk rujukan *mushaf* yang

1. Al-Suyūṭī, Op-cit., Juz. 1, h. 61. `Abd al-Sābūr Syāhīn, Tārīkh al-Qur'ān, Qāhirah : Dār al-Qalam, 1966, h. 114.

2. Al-Zanjānī, Op-cit., h. 45.

3. `Abd al-Sābūr, Op-cit., h. 114. Aboebakar, Op-cit., h. 20.

4. Al-Zanjānī, Op-cit., h. 45. Subhī al-Ṣālih, Op-cit., h. 86.

seragam dari sudut ejaan dan tulisannya. Walaupun *mushaf* `Uthmān ditulis tanpa baris dan titik, tetapi umat Islām boleh mengenali ayat-ayatnya dan membacanya dengan betul kerana mereka mempunyai kefasihan semula jadi dalam bahasa `Arab.¹

Menurut sejarah, *mushaf* `Uthmān yang tidak berbaris dan bertitik telah digunakan oleh umat Islām selama lebih kurang empat puluh tahun sehinggalah ke zaman pemerintahan Abdul Malik bin Marwān. Pada masa tersebut kesalahan dalam bacaan *al-Qur'ān* begitu ketara sehingga ianya tersebar luas ke negeri-negeri Islām terutama di negeri `Irāq. Keadaan ini berlaku akibat asimilasi serta pengaruh bangsa-bangsa asing yang kefasihan bahasa ibunda masing-masing kurang baik.²

Suasana ini menimbulkan kebimbangan kepada sesetengah para pembesar dan ulama, lantas difikirkan suatu kaedah; iaitu mengadakan bentuk-bentuk baris tertentu yang dapat menolong umat Islam supaya membacanya dengan bacaan yang betul. Mereka yang terlibat dengan usaha ini ialah `Ubaidullāh bin Ziad (meninggal pada tahun 67 H.) dan al-Hajjāj bin Yūsuf al-

1. Al-Zarkasyī, *Op-cit.*, h. 236. Subhi al-Ṣālih, *Op-cit.*, h. 90.

2. Ibid.

Thaqāfī (meninggal pada tahun 95 H.). Sesungguhnya perubahan-perubahan ini hanyalah berlaku dari aspek luaran sahaja manakala nas asal al-Qur'ān itu sendiri tidak pun terusik, malah tetap terjamin keasliannya.¹

Kemudian usaha bagi meletakkan titik dilakukan pula demi untuk menyenangkan serta membezakan huruf-huruf dalam *mushaf* al-Qur'ān. Terdapat tiga nama utama yang mengambil inisiatif dalam hal ini; iaitu Abū 'Aswad al-Dualy, Yahyā bin Ya'mar dan Nāsir bin 'Āsim al-Laisy. Tetapi di antara mereka, yang paling masyhur dan dianggap sebagai pelopor ialah Abū 'Aswad al-Dualy. Namun begitu yang lain tidak kurang memainkan peranan penting dalam meletakkan titik.²

Langkah seterusnya telah diambil untuk memperelokkan lagi tulisan Kitāb Suci tersebut seperti meletakkan titik, menulis tanda-tanda di permulaan surah serta menulis dengan tulisan khat yang indah. Walaupun usaha-usaha tersebut mendapat tentangan daripada sesetengah para ulama dengan alasan masing-masing, namun pada hakikatnya ia adalah untuk kesenangan dan kebaikan umat Islām di kemudian hari.³

1. Ibid.

2. Ibid., h. 91.

3. Ibid., hh. 94-95.

Usaha pencetakan al-Qur'ān dengan kaedah yang lebih canggih telah dilakukan berikutan wujudnya perkembangan teknologi moden yang pesat. Justeru itu, terhasillah cetakan al-Qur'ān yang pertama di bandar Bundiqliah (Venice) dalam lingkungan tahun 1530 M. Walau bagaimanapun cetakan ini telah dibinasakan atas arahan pihak berkuasa gereja. Kemudian pada tahun 1787 M. lahir pula cetakan al-Qur'ān yang diusahakan oleh Maulaya 'Uthmān di bandar Saint-Petersbourg di Rusia. Seterusnya usaha mencetak al-Qur'ān dilakukan oleh negara-negara lain seperti Iran, Jerman, India, Turki dan Mesir. Dengan pencetakan ini, maka umat Islam di seluruh pelusuk dunia boleh memiliki al-Qur'ān dengan mudah.¹

Tegasnya segala usaha yang telah dilakukan oleh para Khalīfah dan ulama Islam terhadap al-Qur'ān, sama ada mengumpulnya dalam bentuk *mushaf*, meletakkan titik, memperelokkan dari segi tulisannya mahupun mencetaknya adalah bertujuan untuk kegunaan dan kepentingan umat Islam sejagat. Namun begitu keasliannya tetap dipelihara dan dijamin oleh Allāh (S.W.T.) seperti firman-Nya yang berbunyi:

1. Ibid., hh. 99-100.

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الذِّكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ ﴿٩﴾

سُورَةُ الْحَجَرِ : 9

Ertinya:

"Sesungguhnya telah Kami turunkan
peringatan (Qur'ān) dan sesungguhnya
Kami memeliharanya."¹

1. Mahmud Junus, Terjemahan al-Qur'ān, Sūrah al-Hijr,
15 : 9, h. 237.

2.4 Isi Kandungan al-Qur'ān

Tujuan utama penurunan al-Qur'ān oleh Allāh (S.W.T.) adalah sebagai pemberi hidayat dan pertunjuk serta panduan kepada sekalian manusia khususnya umat Islām. Ianya merupakan mu`jizat abadi kurniaan Allāh (S.W.T.) kepada Junjungan (S.A.W.) sebagai membuktikan kebenaran risalah yang dibawa oleh Rasūl-Nya. Justeru itu kandungannya lengkap dan sempurna merangkumi segala bentuk permasalahan hidup manusia sama ada perintah, larangan, baik, buruk, halal mahupun haram.¹ Hal ini bersesuaian dengan firman Allāh (S.W.T.):

مَا فَرَّطْنَا فِي الْكِتَابِ مِنْ شَيْءٍ

سُورَةُ الْأَنْعَامِ : 38

Ertinya:

"...Kami tiada meninggalkan dalam Kitāb
suatu jua pun..."²

Terdapat perselisihan pendapat di kalangan para ahli tafsir mengenai maksud al-Kitāb dalam ayat

-
1. Mahmud Syaltut, Islam, `Aqidah Dan Syari`at, Siri 2, Cet. 1, Kuala Lumpur : Pustaka al-Ameen, 1988, hh. 695-696.
 2. Mahmud Junus, Terjemahan al-Qur'ān, Sūrah al-An`ām, 6 : 38, h. 120.

tersebut. Menurut Ibn `Abbās, al-Kitāb bermaksud *Luh Mahfūz*, di mana semua ketentuan termasuk perkara-perkara ghaib telah ditetapkan oleh Allāh (S.W.T.) ke atas semua makhluk-Nya.¹ Manakala pendapat lain pula, al-Kitāb itu ialah kesempurnaan ilmu Allāh (S.W.T.) yang mencakupi segala aspek.² Ada pendapat lain yang menyatakan bahawa maksud al-Kitāb itu ialah al-Qur'ān.³

Pandangan kebanyakan para `ulamā' dan cendekiawan Islam mengenai isi kandungan al-Qur'ān lebih memberi tumpuan kepada prinsip asas sahaja. Mahmud Syaltut dalam bukunya *Islam, Aqidah & Syariah*, mengutarakan pandangan bahawa kandungan al-Qur'ān merangkumi aspek-aspek `aqidah, akhlak, kisah-kisah umat terdahulu, peringatan dan ancaman serta hukum-hukum perundangan.⁴

Pendapat lain, menyatakan bahawa pada hakikatnya isi kandungan al-Qur'ān boleh dikategorikan kepada lima

-
1. Ahmad Mustafā al-Marāghī, Tafsīr al-Marāghī, Juz. 7, Jil. 3, Cet. 3, Beirut : Dār al-Fikr, 1394H/1874M, h. 118.
 2. Ibid., h. 119. Ibn Kathīr, Tafsīr Ibn Kathīr, Juz. 2, h. 131.
 3. Ahmad Mustafā al-Marāghī, Op-cit., h. 119. Muḥd. al-Rāzī Fakhr al-Dīn Ibn al-`Allāmah Diyā' al-Dīn `Umar, Tafsīr al-Fakhr al-Rāzī, Jil. 6, Cet. 3, Beirut : Dār al-Fikr, 1405H/1985M, h. 226. Al-Sayid Muḥd. Rasīd Ridā, Tafsīr al-Mannār, Jil. 7, Beirut : Dār al-Fikr, (t.t.), h. 394.
 4. Mahmud Syaltut, Op-cit., hh. 699-703.

prinsip utama; yaitu tauhid (doktrin tentang kepercayaan Ketuhanan Yang Maha Esa), janji dan ancaman Allāh (S.W.T.), persoalan `ibādah, jalan dan cara mencapai kebahagiaan serta cerita-cerita dan sejarah umat manusia sebelum Junjungan (S.A.W.).<sup>1</sup> Sementara `Abdullāh Syahātah dalam bukunya *`Ulūm al-Dīn al-Islāmī*, menyatakan bahwa al-Qur'ān mengandung empat persoalan pokok; yaitu `aqīdah, syarī'ah, kisah/cerita dan akhlak.²

Keunggulan isi kandungan al-Qur'ān tidak dapat dipertikaikan lagi oleh sekalian umat Islam, malahan mendapat pengiktirafan dari sarjana Barat. Misalnya Prof. Rudof Kreh (Jerman) mengakui bahwa al-Qur'ān mengandung peraturan-peraturan hidup yang lengkap, baik dari segi hal-hal yang bersangkutan dengan permasalahan keagamaan mahupun kehidupan seperti tingkah laku, (akhlak), pendidikan, ekonomi, kemasyarakatan, pemerintahan, ketenteraan dan keadilan.³

Dari aspek `aqīdah, Al-Qur'ān memperjelaskan

-
1. Masjfuk Zuhdi, Pengantar Ulumul Qur'ān, Bhg. 1, Surabaya : Pt. Bina Ilmu, 1980, hh. 18-20.
 2. `Abdullāh Syahātah, `Ulūm al-Dīn al-Islāmī, Qāhirah : Al-Hai'ah al-Miṣr al-`Āmmah al-Kitāb, 1976, h. 245.
 3. Syahminan Zaini, Kewajiban Orang Beriman Terhadap al-Qur'an, Surabaya : al-Ikhlās, 1982, h. 30.

kepada manusia tentang persoalan 'aqidah yang sebenarnya; iaitu dengan cara mentauhidkan Allāh (S.W.T.) di samping menghindarkan diri mereka dari segala bentuk kemusyrikan serta pembasmian amalan tahyul yang mengongkang minda manusia.¹ Sementara tuntutan 'aqidah bagi sekalian umat Islam ialah berupa kepercayaan dan keimanan kepada Allāh (S.W.T.), malaikat-Nya, kitab-Nya, rasul-Nya dan hari akhirat.²

Kemuliaan sifat Allāh (S.W.T.) diperjelaskan oleh al-Qur'ān seperti sifat-sifat keesaan, keilmuan, keadilan, kekuasaan, kemampuan menghidup dan mematikan semua makhluk-Nya serta penghitungan amalan setiap anak Ādam (A.S.).³ Sesungguhnya penjelasan al-Qur'ān mengenai ketauhidan Allāh (S.W.T.) dapat diterima oleh akal manusia dan bersesuaian pula dengan rasional pemikiran mereka, contohnya seperti firman Allāh (S.W.T.):

-
1. Aboebakar, Op-cit., h. 31. Sayid Qutub, Tafsir Fī Zilāl al-Qur'ān, Jil. 2, Beirut : Dār al-Syuruq, 1400H/1980M h. 1009.
 2. Hasan Langgulung, Beberapa Tinjauan Dalam Pendidikan Islam, h. 179. Mahmud Syaltut, Op-cit., h. 699.
 3. Abdul Halim El-Muhammady, Membina Generasi Muslim, Cet. 1, Selangor : Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), 1982, h. 22.

لَوْ كَانَ فِيهِمَا آلِهَةٌ إِلَّا اللَّهُ لَفَسَدَتَا فَسُبْحَانَ اللَّهِ رَبِّ الْعَرْشِ عَمَّا يَصِفُونَ ﴿٢٢﴾

سُورَةُ الْأَنْبِيَاءِ : 22

Ertinya:

"Kalau sekiranya ada beberapa Tuhan di langit dan bumi, selain Allah, nescaya binasalah keduanya. Maka Maha Suci Allah Tuhan `arsy, dari apa-apa yang mereka sifatkan."¹

Ahli Mutakallimīn menafikan kewujudan dua Tuhan kerana rasionalnya berlaku perebutan kuasa di antara keduanya.² Secara logiknyā, minda yang waras sudah tentu mengakui kebenaran bahawa alam ini ditadbir oleh hanya satu Pencipta Yang Agung. Alam ini pasti menemui kehancuran jika penciptanya lebih dari satu kerana lumrahnya mereka mempunyai cita rasa dan idea yang berbeza dalam menentukan sesuatu perkara.³

Dalam menjelaskan hakikat ketuhanan, *al-Qur'ān* mempunyai kaedah tertentu untuk menyeru manusia agar

-
1. Mahmud Junus, Terjemahan al-Qur'ān, Sūrah al-Anbiyā', 21 : 22, h. 292.
 2. Muḥd. al-Rāzī Fakhr al-Dīn, Tafsīr Fakhr al-Rāzī, Jil. 11, h. 150.
 3. Dāwud al-`Aṭṭār, Mujāz `Ulūm al-Qur'ān, Cet. 2, Beirut : Mu'assasah al-A'la, 1399H/1979M, hh. 63-64.

beriman kepada Allāh (S.W.T.). Misalnya, al-Qur'ān mengajak manusia supaya memikirkan tentang kekuasaan Allāh (S.W.T.) melalui penelitian terhadap segala kejadian-Nya sama ada di langit mahupun di bumi, pada yang hidup atau yang telah mati.¹ Berdasarkan pemikiran dan penelitiannya terhadap kejadian-kejadian tersebut, dapat menimbulkan kesedaran serta meningkatkan lagi keimanannya terhadap keagungan dan kebesaran Allāh (S.W.T.).²

Al-Qur'ān juga mengandungi usul-usul syari'at yang telah ditetapkan oleh Allāh (S.W.T.).³ Sehubungan dengan itu terdapat hukum-hukum yang melibatkan hubungan manusia dengan Allāh (S.W.T.), termasuklah hukum dalam masalah peribadatan seperti solāh, puasa, zakāt, haji, jihād, sumpah, dan nazar. Begitu juga hubungan manusia dengan sesama manusia dan hubungan antara bangsa-bangsa dengan bangsa-bangsa lain, al-Qur'ān menetapkan hukum-hukum tertentu di samping menjelaskan beberapa prinsip asas bagi mengatur kehidupan manusia dalam pelbagai

-
1. Hasan Langgulung, Beberapa Tinjauan Dalam Pendidikan Islam, h. 180. Muhd Qutub, Manhaj al-Tarbiyah al-Islāmiyah, Juz. 2, hh. 28- 29.
 2. Mahmud Syaltut, Op-cit., h. 699.
 3. Mannā` al-Qattān, Al-Tasyri` Wa al-Fiqh Fi al-Islām Tarikhan Wa Manhajan, h. 38.

bidang sama ada ekonomi, politik mahupun sosial.¹ Misalnya dalam sistem kekeluargaan, al-Qur'ān mempunyai hukum dan peraturannya sendiri seperti hukum perkahwinan, pemilihan pasangan hidup, tanggungjawab suami isteri, mahar, nafkah, penyusuan, pengasuhan, `iddah, wasiat, waris dan lain-lain lagi.²

Di samping itu al-Qur'ān menggesa manusia supaya melengkapkan dirinya dengan akhlak yang mulia dan terpuji serta menghindarkan dari akhlak yang keji.³ Di antara contoh akhlak terpuji yang dianjurkan oleh al-Qur'ān ialah memuliakan golongan yang lemah, bersikap lemah lembut terhadap faqir miskin, baik pergaulan terhadap jiran tetangga, berbuat baik kepada kedua ibu bapa dan kaum kerabat, bercakap benar, menunaikan amanah, menepati janji, melakukan keadilan dalam memberi nafkah serta melarang dari melakukan sebarang perbuatan maksiat dan keji.⁴

Al-Qur'ān juga mengemukakan berbagai-bagai cerita

-
1. Abdul Halim El-Muhammady, Op-cit., h. 22. Hasan Langgulung, Beberapa Tinjauan Dalam Pendidikan Islam, h. 180. Mahmud Syaltut, Op-cit., h. 702.
 2. `Abdullāh Syahātah, Ulūm al-Dīn al-Islāmī, h. 246.
 3. Mahmud Syaltut, Op-cit., h. 31.
 4. `Abdullāh Syahātah, Op-cit., h. 247.

kepada umat Islām untuk dijadikan pelajaran, iktibar serta pertunjuk, khususnya bagi generasi hari muka. Menurut Mannā` al-Qattān dalam bukunya *Mabahith Fī `Ulūm al-Qur'ān*, terdapat tiga jenis cerita dalam al-Qur'ān iaitu;¹

Pertama: Cerita para nabi dan rasul (A.S.W.) dengan umat masing-masing seperti kisah Nabi Nūh (A.S.), Nabi Ibrāhīm (A.S.), Nabi Mūsā (A.S.), Nabi Harūn (A.S.), Nabi `Isā (A.S.) dan Nabi Muḥammad (S.A.W.). Kisah-kisah tersebut menjelaskan kepada umat Islām tentang seruan para nabi dan rasul (A.S.W.) terhadap kaumnya supaya beriman kepada Allāh, mu`jizat-mu`jizat yang dikurniakan oleh Allāh (S.W.T.) kepada mereka, sikap kaumnya yang menentang ajakannya serta balasan yang diterima oleh golongan yang beriman dan kufur kepada Allāh (S.W.T.).²

Kedua: Kisah-kisah silam mengenai umat terdahulu seperti kisah Ahl al-Kahf (أَهْلُ الْكَهْفِ),

1. Mannā` al-Qattān, *Mabahith Fī `Ulūm al-Qur'ān*, h. 274.

2. Ibid. Dāwud al-`Attār, *Op-cit.*, hh. 68-69.

Zulqarnain, Qārūn, Ashāb al-Ukhdūd, Tālūt dan Jālūt serta Tentera Bergajah.¹

Ketiga: Peristiwa-peristiwa yang berlaku pada masa Junjungan (S.A.W.) seperti peperangan Badar dan Uhud dalam sūrah al-'Imrān, peperangan Hunain dan Tabūk dalam sūrah al-Taubat, peperangan Ahzāb dalam sūrah al-Ahzāb, Hijrah Junjungan (S.A.W.) serta Isrā' dan Mi'rāj.²

Memandangkan Allāh (S.W.T.) telah memberi penjelasan kepada manusia arah tuju untuk mencapai kebahagiaan dan pengabdian diri semata-mata kepada-Nya, maka wajarlah mereka menerima pembalasan daripada Allāh (S.W.T.) implikasi dari perbuatan setiap individu seperti yang telah dijanjikan oleh-Nya. Sesungguhnya al-Qur'ān mengandungi peringatan, ancaman serta janji baik dan buruk kepada hamba-hamba-Nya di hari pembalasan kelak.³

1. 'Abdullāh Syahātah, Op-cit., h. 246. Abū al-A'lā al-Maudūdī, al-Mabadi' al-Asasiyah Li Fahm al-Qur'ān, Dār al-Turath al-'Arabi, (t.t.), h. 11. Mannā' al-Qattān, Mabahith Fi 'Ulum al-Qur'an, h. 274. Subhī al-Salih, Op-cit., hh. 41-42.

2. 'Abdullāh Syahātah, Op-cit., h. 246. Mannā' al-Qattān, Mabahith Fi 'Ulum al-Qur'an, h. 274.

3. Mahmud Syaltut, Op-cit., h. 700.

Kesimpulannya, kandungan al-Qur'ān mencakupi semua perkara pokok sama ada yang bersangkutan dengan urusan keakhiratan mahupun hal-hal keduniaan. Kerana Kitab suci tersebut mengajar manusia bermacam-macam perkara dengan pandangannya tersendiri tentang kehidupan, maka prinsip-prinsipnya hendaklah dijadikan asas/dasar dalam pendidikan Islam. Justeru itu umat Islam hendaklah menjadikannya sebagai sumber rujukan dalam apa jua bidang kehidupan mereka (perlembagaan hidup), bukannya sekadar untuk pameran dan bahan sejarah.

2.5 Fungsi al-Qur'ān

Sejarah telah membuktikan kejayaan al-Qur'ān dalam melahirkan satu umat yang kuat lagi terkenal di kalangan seluruh umat manusia di dunia ini, sejak dari zaman Rasūlullāh (S.A.W.) hinggalah ke beberapa abad selepasnya.¹ Dalam jangka masa yang begitu singkat; iaitu lebih kurang 23 tahun sahaja, Junjungan (S.A.W.) telah melakukan perubahan yang besar terhadap masyarakat `Arab Jahiliah. Perubahan tersebut dapat dilihat dari segenap aspek; iaitu aspek `aqidah, syari`at, akhlak, ekonomi, sosial dan siyasah ke arah cara hidup yang sempurna, lebih teratur, mulia, baik dan unik.²

Dari aspek `aqidah, al-Qur'ān dapat membentuk sebuah masyarakat yang suci kepercayaannya dari amalan syirik dan khurafat di samping melahirkan masyarakat yang mengabdikan dirinya semata-mata kepada Allāh (S.W.T.).³ Kepentingannya ditonjolkan dari sirah perjuangan Junjungan (S.A.W.) terutama di zaman Makkah, di mana sebahagian besar jangka masanya dihabiskan untuk menanamkan `aqidah Islam.

-
1. Mohd. Shahir Abdullah, "Al-Qur'ān Pusaka Junjungan", dalam Risalah al-Yakin, tahun (4) Siri (12) 1398H/1978M, hh. 7-8.
 2. Dāwud al-`Attār, Mūjaz `Ulūm al-Qur'ān, hh. 85-86.
 3. Ibid.

Kesan yang jelas dari 'aqidah Islām dapat dilihat pada zaman permulaan Islām, di mana masyarakat 'Arab yang terdidik dengan al-Qur'ān memberi komitmen sepenuhnya dan sanggup menerima berbagai-bagai risiko dalam menegakkan agama Allāh (S.W.T.). Menurut perspektif Islam, 'aqidah sedemikianlah yang menjadi tunggak bagi mencapai kemajuan dan kebahagiaan dalam kehidupan. Kekuatan 'aqidah jugalah yang membawa Islam muncul sebagai sebuah kerajaan yang terbaik di rantau dunia.¹

Selain dari itu, al-Qur'ān berupaya membentuk sebuah masyarakat yang mempunyai ketinggian akhlak di samping melahirkan golongan yang sentiasa melaksanakan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh Allāh (S.W.T.).² Hasil darinya maka wujudlah sebuah masyarakat contoh yang bercirikan budi pekerti mulia, mewujudkan hak-hak persaudaraan di samping saling hormat menghormati serta bantu membantu antara satu dengan lain.³

-
1. Mohd. Shahir Abdullah, Op-cit., hh. 8-9. Sayid Qutub, Tafsir Fī Zilāl al-Qur'ān, Jil. 2, h. 1011.
 2. Dāwud al-'Attār, Op-cit., hh. 85-86. Lubis, H. M. Arsjad Thalib, Op-cit., h. 24.
 3. Dāwud al-'Attār, Op-cit., hh. 85-86.

Secara khusus Allāh (S.W.T.) menjelaskan tujuan al-Qur'ān diturunkan untuk umat manusia adalah sebagai pemberi pertunjuk,¹ rahmat,² pengubatan,³ ingatan,⁴ membawa neraca pertimbangan⁵ serta mengeluarkan manusia dari kegelapan kekufuran kepada cahaya keimanan.⁶ Fungsi dan peranan utamanya ialah memberi hidayah, pertunjuk dan panduan kepada orang-orang yang beriman dan bertaqwa kepada Allāh (S.W.T.) seperti mana yang ditegaskan oleh Allāh (S.W.T.) dalam firman-Nya:⁷

ذَٰلِكَ الْكِتَابُ لَا رَيْبَ فِيهِ هُدًى لِّلْمُتَّقِينَ ﴿٢٠١﴾

سُورَةُ الْبَقَرَةِ : 2

Ertinya:

"Kitab itu (al-Qur'ān) tidak ada keraguan padanya, jadi pertunjuk bagi orang-orang yang taqwa."⁸

-
1. Lihat ayat 2, Sūrah al-Baqarah.
 2. Lihat ayat 86, Sūrah al-Qasas.
 3. Lihat ayat 82, Sūrah al-Isrā'.
 4. Lihat ayat 4, Sūrah Fussilat.
 5. Lihat ayat 17, Sūrah al-Syūrā.
 6. Lihat ayat 1, Sūrah Ibrāhīm. Abdul Halim El-Muhammady, Membina Generasi Muslim, hh. 21-22.
 7. Abū A'ālā al-Maudūdī, Al-Mabādi' al-Asāsiyah Li Fahm al-Qur'ān, h. 31.
 8. Mahmud Junus, Terjemahan al-Qur'ān, Sūrah al-Baqarah, 2 : 2, h. 3.

Berpandukan pertunjuk dan bimbingan inilah, maka seseorang individu itu dapat mencapai kebaikan serta kebahagiaan hidup yang sebenarnya sama ada di dunia mahupun akhirat. Al-Qur'ān mampu menangani berbagai-bagai persoalan umat manusia di samping menerangkan jalan kebaikan dan keburukan serta memimpin manusia agar mengikuti jalan yang benar yang diredai oleh Allāh (S.W.T.).¹

Al-Qur'ān juga dapat mengubati segala permasalahan yang dihadapi oleh manusia dalam berbagai-bagai bidang sama ada rohani, jasmani, akal, siyasah, ekonomi mahupun sosial.² Ianya merupakan penawar yang menyeluruh bagi merawat penyakit-penyakit mental, jiwa dan hati seperti kufur, syirik, bimbang, takut, gelisah, angkuh, takbur, hasad dan dengki, malas, bakhil, zalim serta penyakit-penyakit sosial dan ekonomi.³

Al-Qur'ān juga merupakan penyembuh bagi

-
1. Haron Din, Manusia Dan Islām, h. 239. Miftah Faridi, Agus Syihabudin, Al-Qur'ān Sumber Hukum Islam Yang Pertama, Cet. 1, Bandung : Penerbit Pustaka, 1401H/1989M, h. 61.
 2. Mannā' al-Qattān, Mabahith Fi 'Ulūm al-Qur'ān, h. 13.
 3. Abū Bakar Jābir al-Jazā'irī, Akidah Orang Yang Beriman, Terj. Ismail bin Mohd. Hassan, Terengganu, Yayasan Islām Terengganu : 1986, h.285.

sesetengah penyakit fizikal seperti lemah jasmani dan demam. Sesungguhnya para nabi dan rasul (A.S.W.) juga ulama - ulama Islam pernah mengamalkan dan menggesa manusia supaya berubat berpandukan al-Qur'ān iaitu menerusi bacaan-bacaan (do'a-doa) dan kaedah tertentu.¹ Misalnya, bacaan sūrah al-Fātiḥah boleh digunakan bagi mengubati sengatan binatang bisa seperti kala dengan membacanya sebanyak tujuh kali dan dihembuskan ke tempat gigitan tersebut.² Untuk menegaskan al-Qur'ān sebagai penawar dan penyembuh penyakit, Allāh (S.W.T.) berfirman :

وَنُزِّلُ مِنَ الْقُرْآنِ مَا هُوَ شِفَاءٌ وَرَحْمَةٌ لِّلْمُؤْمِنِينَ ﴿٨٢﴾

سُورَةُ الْاِنشَارَةِ : 82

Ertinya:

"Kami turunkan di antara Qur'ān sesuatu yang menyembuhkan (penyakit hati) dan rahmat untuk orang-orang yang beriman..."³

-
1. Muḥd. Ridā al-Haj `Abbās al-Ḥakīmī, Al-Qur'ān Yuwā kib al-Dahr, Cet. 1, Beirut : Dar al-Ṣādiq, 1393H/1973M, h. 62.
 2. `Abdullāh Nāsīḥ `Ulwān, Op-cit., Juz. 1, hh. 265-266. Al-Qurtubī, Tafsīr al-Qurtubī, Juz. 10, Jil. 5, Qāhirah : Matba`ah Dār al-Kutub al-Misriyah, 1364H/1945M, h. 316. Amran Kasimin, Haron Din, Sebahagian Daripada Rawatan Pesakit Menurut al-Qur'ān Dan as-Sunnah, Cet. 1, Kuala Lumpur : Percetakan Watan Sdn. Bhd., 1987, h. 34.
 3. Mahmud Junus, Terjemahan al-Qur'ān, Sūrah al-Isrā', 17 : 82, h. 262.

Para ulama berselisih pendapat dalam mentafsirkan maksud *syifā'* (شفاء) dalam ayat di atas. Ada ulama berpendapat, bahawa *syifā'* membawa erti penyembuhan bagi pelbagai penyakit hati seperti kejahilan, keraguan dan sebagainya. Manakala pendapat lain pula menyatakan bahawa *syifā'* ialah menyembuhkan penyakit-penyakit zahir seperti demam, sakit perut dan penyakit sopak.¹ Ada pun maksud rahmat pula ialah al-Qur'ān memberi rahmat kepada seluruh makhluk-Nya termasuk umat manusia, jin dan haiwan, kecil dan besar, mu'min dan kafir serta hidup dan mati.²

Fungsi lain al-Qur'ān ialah sebagai penguat kebenaran, iaitu wujudnya agama-agama Allāh (S.W.T.) sebelum daripada agama Islam yang dibawa oleh Junjungan (S.A.W.). Ajarannya bukan sahaja tidak bertentangan dengan ajaran kitab-kitab sebelumnya, bahkan menguat dan menyempurnakan lagi ajaran tersebut. Kesemua agama yang diturunkan oleh Allāh (S.W.T.) mempunyai objektif yang sama; iaitu mentauhidkan Allāh (S.W.T.) dan mengabdikan diri semata-mata kepada-Nya. Namun begitu, al-Qur'ān mempunyai taraf yang mulia dan istimewa kerana ianya meliputi keperluan manusia pada setiap masa dan zaman, berbanding dengan kitab-kitab samawi lain yang terbatas

1. Al-Qurtubī, Tafsir al-Qurtubī, hh. 316-317.

2. Abū Bakar Jābir al-Jazāiri, Op-cit., h. 285.

pada masa, kaum dan tempat tertentu sahaja.¹

Walau bagaimana baik dan sempurnanya ajaran Islam, tetapi jika ianya tidak dihayati dan diamalkan oleh umat Islam, tentulah tidak akan memberi sebarang manfaat dan kesejahteraan kepada mereka. Oleh itu, umat Islām yang beriman dengan kitab suci al-Qur'ān, mesti berusaha bersungguh-sungguh untuk menegakkan ajaran dan hukum-hukumnya serta menjadikannya sebagai pedoman dan pegangan hidup demi mencapai keredaan Allāh (S.W.T.). Justeru itu umat Islam wajiblah kembali kepada pendidikan al-Qur'ān yang sebenarnya sebagaimana yang telah ditunjukkan oleh Junjungan (S.A.W.).

Al-Qur'ān yang merupakan bukti kepada kebenaran Islām dan mu'jizat abadi Junjungan (S.A.W.), telah meninggalkan kesan yang begitu tinggi dan mendalam kepada penganut-penganutnya terutama generasi pertama. Setiap tindak tanduk dan amalan seharian mereka sentiasa berpandukan ajaran al-Qur'ān yang mulia. Situasi seperti ini dapat dilihat dalam kehidupan Rasūlullāh (S.A.W.) sendiri, baik dalam masa aman mahupun perang, di rumah atau di luar rumah, sehingga pernah disifatkan oleh isterinya 'Aisyah (R.A.) bagi menjawab suatu pertanyaan

1. Syed Mahmudunnasir, Islam Its Concepts & History, Cet. 1, New Delhi : Kitab Bhavan, 1981, h. 329.

seorang sahabat mengenai akhlak Rasūlullāh (S.A.W.), 'Aisyah (R.A.) menjawab, yang bererti: "Adalah akhlaknya (Junjungan (S.A.W.) ialah al-Qur'ān".¹

Demikian juga dengan generasi sahabat yang dididik oleh Junjungan (S.A.W.), mereka merupakan insan yang sempurna dan berkualiti disebabkan penghayatan mereka terhadap al-Qur'ān di samping menjadikannya sebagai sumber panduan.² Mereka bukan sahaja mengamalkan ajaran al-Qur'ān untuk kebaikan dirinya sendiri, bahkan ingin berkhidmat bagi menyebarkannya kepada orang lain. Misalnya para sahabat (R.A.) berebut-rebut dan meminta agar mereka dihantar ke negara-negara takluk Islām untuk mengajar al-Qur'ān. Bagi menyempurnakan dakwah Islamiah serta hasrat para sahabat, Rasūlullāh (S.A.W.) telah menghantar Muṣ'ab bin 'Umair ke Madīnah untuk mengajar al-Qur'ān kepada penduduk di sana, 'Alī bin Abū Ṭālib dan Mu'āz bin Jabal dihantar ke Yaman, 'Abdul Raḥmān bin al-Habīb al-Salmi dihantar ke Kūfah selama 40 tahun.³

1. 'Abdul Raḥmān al-Nahlāwī, Uṣūl al-Tarbiyah al-Islāmiyyah Wa Asālibuhā Fi al-Bait Wa al-Madrasah Wa al-Mujtama', h. 20.

2. Ibid., h. 21.

3. Zainal Abidin Abdul Kadir, "Pendidikan al-Qur'ān : Satu Strategi Ke Arah Melahirkan Generasi al-Qur'an" Dalam Kertas Kerja Seminar al-Qur'ān Antarabangsa, di Dewan Mukhtar, Pusat Islam Malaysia, Kuala Lumpur, pada 22-23 hb. Sya'ban/19-20 hb. Mac, 1990, h. 2.

Sesungguhnya setiap insan yang dididik oleh al-Qur'an merupakan individu yang mempunyai ketinggian iman, kemurnian akhlak, kepatuhan dan ketaatannya hanya semata-mata kepada Allāh (S.W.T.). Justeru itu wujudlah sebuah keluarga, masyarakat dan negara yang aman damai, hidup dengan nilai-nilai kemanusiaan yang tinggi dan luhur. Tegasnya al-Qur'an yang satu-satunya kitab hidayah, kitab panduan yang mengandungi mu'jizat telah pun berjaya melahirkan satu generasi manusia yang unggul dalam segala aspek kehidupan sama ada di dunia mahupun di akhirat.